



Belanjawan Defisit 2015 dijangka berimbang

Azmin puji penjawat awam

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memuji profesionalisme dan komitmen tinggi penjawat awam dalam melaksanakan skop tugas masing-masing ketika Sidang Dewan Negeri Selangor, yang bermula 17 Ogos lalu.

Katanya, hasil kerjasama padu itu membolehkan Kerajaan Negeri terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan beliau menjangkakan Belanjawan Defisit 2015 berimbang ekoran pertambahan hasil.

Berita lanjut Sidang DNS muka surat 4 hingga 6

Najib patut letak jawatan

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Tindakan drastik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak termasuk membuang beberapa orang penting ternyata berkepentingan peribadi bukan demi rakyat atau negara.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata tindakan itu disahkan sendiri Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dalam satu temubual yang disiarkan akhbar The Star, pada 16 Ogos lalu.

Mohamed Azmin merumuskan Perdana Menteri secara sengaja mengganggu siasatan peringkat tertinggi yang sedang berjalan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dipengeruskannya hasil daripada pendedahan Abdul Rahman itu.

"Bagi saya, gangguan itu boleh mendorong kepada pelanggaran kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau Akta SPRM (Seksyen 186 dan Seksyen 48)," katanya dalam satu kenyataan.

Abdul Rahman dalam temubual sama mendedahkan, Najib terpaksa membuang orang tertentu supaya keadaan kembali normal selepas menyedari kewujudan draf kertas pertuduhan terhadap beliau.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata, penubuhan pasukan petugas khas 1MDB kemungkinan inisiatif Ketua Polis Negara (KPN) tanpa kebenaran kabinet seterusnya tidak sah.

"Kenyataan ini seolah-olah cubaan terdesak untuk menyokong tindakan drastik Najib meredakan siasatan seterusnya meletakkan kesalahan ke atas KPN pula," katanya.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR turut menyangkal dakwaan Abdul Rahman bahawa penyingkiran Peguam Negara daripada pasukan petugas khas dibuat atas faktor konflik kepentingan.

Katanya, peranan Peguam Negara penting bagi menjamin kelancaran siasatan terutama berhubung isu undang-undang.

"Keberanian akhir untuk mendakwa penjawat awam, apatah lagi perdana menteri perlu datang daripada Peguam Negara.

"Peguam Negara tak boleh memberi kebenaran itu tanpa akses dan pengetahuan penuh berhubung perkembangan juga kedudukan siasatan," katanya.

Sehubungan itu, Mohamed Azmin, berkata Najib yang harus berehat selagi siasatan dijalankan atas faktor konflik kepentingan.

Katanya, semua jalan siasatan akhirnya akan kembali juga kepada Najib sama ada sebagai pengerusi 1MDB atau berhubung pindahan bilion ringgit ke akaun peribadinya.

"Sudah terang lagi bersuluh, Najib patut letak jawatan dengan saki-baki maruah diri yang masih ada dalam dirinya," katanya.



MANTAP... Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memberikan penjelasan di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) berkenaan manfaat diterima rakyat ekoran kejayaan penstrukturan air serta peningkatan rizab simpanan negeri yang kini mencecah RM3.7 bilion hasil urus tadbir telus dan berhemah

Tukar kepimpinan untuk halang kejatuhan nilai ringgit

OLEH: NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diminta berhenti mempermainkan rakyat apabila mula menyalahkan 'mainan dan spekulasi politik' negara menjadi punca kejatuhan Ringgit Malaysia (RM).

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata Najib perlu bertanggungjawab apabila ringgit makin susut berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Kenyataan Najib pada 13 Ogos lalu yang menyatakan 'mainan dan spekulasi politik' keterlaluan menyebabkan sentimen tidak menentu terhadap pentadbiran negara' jelas bertujuan menyalahkan pihak lain ekoran krisis matawang," katanya dalam ke-

nyataan, pada 14 Ogos lalu.

Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar Selangor, berkata ringgit yang jatuh menjunam hanya boleh dihentikan jika ada perubahan besar dalam kepimpinan negara dan ia perlu bagi mengelakkan Malaysia daripada bencana politik dan ekonomi.

"Hanya perubahan besar dalam kepimpinan dan kesaksamaan politik boleh menghentikan kejatuhan merudum itu serta memelihara negara dari ambang bencana," katanya.

Mohamed Azmin, berkata orang ramai tidak terpedaya dengan 'grandstanding' Najib dan 'sound bites' perhubungan awam beliau.

"Ringgit dijangka terus lemah

selagi ketidaktentuan politik berterusan. Oleh itu, Perdana Menteri mesti berhenti berpura-pura mempamerkan keadaan berjalan seperti biasa.

"Beliau boleh terus memimpin negara hanya kerana menyingkirkan timbalannya dan melantik menteri baru bagi menunjukkan sokongan yang dimilikinya," katanya.

Mohamed Azmin merujuk kepada tindakan Najib yang merombak kabinet dengan menggugurkan mereka yang mengkritik cara beliau mengendalikan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Beliau berkata, Najib gagal membersihkan diri daripada skandal kewangan 1MDB yang melibatkan hutang RM42 bilion,

khususnya wang RM2.6 bilion dalam akaun beliau yang dikatakan sumbangan penderma politik serta kesannya terhadap negara.

Katanya, memang wujud faktor luaran yang menyebabkan kejatuhan ringgit seperti penurunan harga minyak, kemungkinan kenaikan kadar faedah AS dan susut nilai Yuan China.

"Tetapi faktor ini turut memberi kesan kepada matawang lain di rantau ini. Persoalannya, mengapa ringgit paling teruk antara semua matawang utama serantau?" soal Azmin.

Katanya, tindakan pembubaran anggota Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), rombakan kabinet dan halangan jelas terhadap penyiasat 1MDB menampakkan ada pakatan sulit

“Ringgit dijangka terus lemah selagi ketidak-tentuan politik berterusan. Oleh itu, Perdana Menteri mesti berhenti berpura-pura mempamerkan keadaan berjalan seperti biasa

juga konspirasi dalam kerajaan yang memburukkan lagi persepsi negatif terhadap kepimpinan negara.

Anwar: Kapal BN nak tenggelam

KUALA TERENGGANU - Bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta pimpinan PKR terus berjuang menentang Barisan Nasional (BN) dan menubuhkan gagasan itu.

Pesanan itu ditinggalkan Anwar kepada pimpinan PKR ketika hadir di Mahkamah Tinggi Shah Alam sebagai saksi bagi kes saman bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim terhadap Datuk Saifuddin Nasution Ismail.



“Teruskan berjuang, kapal BN sudah mahu tenggelam

DSAI ANWAR IBRAHIM

"Teruskan berjuang, kapal BN sudah mahu tenggelam," katanya yang disampaikan Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Md Akin di Hotel Grand Continental, di sini, pada 14 Ogos lalu.

Anwar juga meminta supaya tidak berbalah sesama sendiri sebaliknya lebih menumpukan kepada perjuangan parti untuk menegakkan keadilan demi rakyat.

Saman Abdul Khalid itu ditarik balik atas nasihat Anwar sebagai perantara yang menyatakan negara sedang berdepan dengan masalah politik, ekonomi dan kos sara hidup yang meningkat, pada 13 Ogos lalu.

Saya tidak akan berdiam diri

IPOH - Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali tidak akan berdiam diri terhadap salah laku pimpinan Umno walaupun menerima amaran daripada Ketua Polis Negara (KPN).

Beliau berkata, ia berikutan krisis dalam negara yang semakin parah antaranya insiden membabitkan penangkapan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



"Sebelum ini (polis) tangkap kita semua, takde masalah tetapi baru-baru ini mereka tangkap pegawai SPRM, apa nak jadi?"

"SPRM badan bebas yang jalankan siasatan, orang yang siasat ditangkap tetapi yang disiasat dibebaskan.

"Ini negara gila," katanya pada Jamuan Aid-

ilfitri, dekat sini, pada 12 Ogos lalu. Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar turut memberi amaran kepada KPN supaya tidak bertindak sesuka hati kerana rakyat berhak tahu kebenarannya.

"Bila saya tegur, polis kata jangan ganggu dan kena tutup mulut. Berita-hu ketua kamu ini bukan negara bapa kamu. Kamu tidak boleh tutup mulut saya kerana rakyat ingin tahu mengapa SPRM ditekan," katanya.

“Bila saya tegur, polis kata jangan ganggu dan kena tutup mulut. Beritahu ketua kamu ini bukan negara bapa kamu **MOHAMED AZMIN** Timbalan Presiden PKR

Rakyat dan pelabur tak percaya PM

SHAH ALAM - Kejatuhan Ringgit Malaysia berpunca daripada kegagalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pelbagai isu khususnya 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan derma RM2.6 bilion.

Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, berkata hal itu menjadi penyumbang kepada kurangnya keyakinan pelabur untuk

melabur di negara ini.

Beliau tidak menolak perkembangan politik semasa juga antara faktor menyebabkan ringgit jatuh paling teruk dalam tempoh 17 tahun.

"Kita akui ada sedikit kebenaran ringgit terkesan sebab politik. Memang benar kejatuhan matawang tidak menggambarkan kedudukan sebenar ekono-

mi negara, tetapi kita sepatutnya lebih baik. Walaupun ringgit jatuh tapi tidak sepatutnya teruk seperti itu.

"Ringgit jatuh disebabkan sentimen masyarakat dan pelabur yang tidak percaya dengan kerajaan terutama kredibiliti, aliran wang dan tindakan Najib kebelakangan ini," katanya.

Rafizi berkata, Najib harus me-

letakkan jawatan bagi mengembalikan kepercayaan pelabur antarabangsa.

"Najib sedar kejatuhan ringgit berpunca daripada beliau dan tahu rakyat tidak gembira dan majoriti mahukan beliau letak jawatan.

"Tetapi itu sudah jadi budaya dalam Umno iaitu apabila seseorang mempunyai kuasa, dia

akan meletakkan kepentingan melebihi kuasa, keluarga, kerabat daripada kepentingan rakyat.

"Malah, di dalam Umno juga suara akar umbi tidak diam-bil peduli pimpinan tertinggi. Saya yakin Najib faham, tetapi kepentingan itu terlalu banyak sehingga beliau tidak sanggup mengorbankannya untuk rakyat," katanya.

Jelajah Amanat Presiden

Berjaya kukuh kerjasama

OLEH AFEEQA AFEERA

BENTONG - Jelajah Amanat Presiden yang menjelajah ke seluruh negara berakhir di Bentong, Pahang dengan sambutan menggalakkan daripada anggota parti PKR sejak ia dilaksanakan, bermula 22 Julai lalu.

Program yang menjelaskan senario politik negara itu dihadiri kira-kira 200 orang untuk mendengar amanat Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan pimpinan PKR di Dewan Perhimpunan Cina, dekat sini, pada 15 Ogos lalu.

Ketua Urusetia, K Gunasekaran, berkata secara umum pihaknya berpuas hati terhadap sambutan diberikan anggota parti di peringkat akar umbi.

Katanya, ia secara tidak langsung dapat merapatkan hubu-

ngan antara pimpinan pusat dan negeri.

"Mereka juga diberi taklimat berkenaan isu semasa negara dan apa yang perlu dilakukan untuk masa depan parti. Ia dilakukan tepat pada masanya bagi membolehkan semua anggota mendengar amanat presiden," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, program selanjutnya akan dibincangkan tidak lama lagi bagi membolehkan mereka terus menggerakkan jentera parti.

Selain program jelajah, turut diadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penduduk setempat.

Antara pimpinan yang hadir adalah Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Md Akin, Tian Chua, Dr Xavier Jayakumar; Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh dan Exco Selangor, Elizabeth Wong.



Wan Azizah: Kukuh kerjasama tumbang BN

BENTONG - Anggota dan pimpinan PKR termasuk Pakatan Rakyat (Pakatan) diingatkan tidak berpecah-belah serta terus bersatu demi menumbangkan pentadbiran Barisan Nasional (BN) yang zalim.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata gelombang dibina pada 1998 semakin menunjukkan peningkatan dan perjuangan berkenaan perlu diteruskan.

"Kalau berpecah, apa akan jadi dengan masa depan negara kerana rakyat memilih kita dalam satu bentuk kerjasama iaitu Pakatan.

"Kita mesti kuat dan kukuh kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim

yang membayar perjuangan ini di dalam penjara," katanya pada Jelajah Amanat Presiden, di Dewan Himpunan Cina, di sini, pada 15 Ogos lalu.

Pada masa sama, beliau turut mengimbas perjuangan dan sumbangan Anwar kepada negara, namun ada yang tidak menghargai.

"Banyak generasi muda sekarang tidak kenal siapa Anwar, yang mereka tahu cuma buruk-buruk.

"Tetapi pada sesiapa yang tahu, Anwar banyak berjasa. Justeru, saya tidak akan pernah menyerah untuk bebaskan beliau dan selamatkan Malaysia," katanya.

Azmin: Tak guna berbaju Melayu tapi merompak

IPOH - Pakaian yang kemas dan tertib tidak boleh dijadikan ukuran untuk membuktikan seseorang pemimpin itu telus dalam pentadbirannya.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata penampilan secara luaran bukan keutamaan tetapi apa yang berada di dalamnya perlu dinilai.

"Bukan di luar (yang penting), pokoknya di dalam. Tak guna pakai baju melayu, songkok dan ke-

ris tetapi curi duit rakyat.

"Tiada makna bangsa Melayu itu kalau masuk derma dalam akaun sendiri. Itu perompak," katanya pada Majlis Jamuan Aidilfitri sempena Jelajah Amanat Presiden bersama rakyat di Ipoh, pada 12 Ogos lalu.

Pada masa sama, beliau turut meminta rakyat supaya membuat perubahan besar demi menyelamatkan krisis negara.

Katanya, ia terbukti melalui nilai ringgit yang semakin merudum

dan kurangnya pelaburan asing dalam negara.

"Pemimpin yang rasuah menyebabkan keyakinan pelabur asing tiada, krisis kepimpinan semakin parah dan baru-baru ini tangkap pegawai kerajaan, apa nak jadi ni?"

"Sebab itu, saya minta sesiapa yang menyokong agenda reformasi untuk bersama tolak Barisan Nasional (BN) dan humber Umno," katanya.

Kak Wan imbau kenangan naik kereta api dengan Anwar

KUALA LUMPUR - Dalam keterujaan menggunakan perkhidmatan terkini Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) iaitu ETS, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tidak pernah melupakan pengalamannya bersama suami tercinta.

Presiden PKR itu, berkata beliau masih ingat kenangan menaiki KTM bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk ke Singapura bagi tujuan libur.

Katanya, ketika itu Anwar

masih menjawat jawatan menteri kabinet.

"Kak Wan tak boleh lupa pengalaman ke Singapura bersama suami dan anak yang ketika itu masih kecil.

"Walaupun status Anwar ketika itu seorang menteri, beliau tidak menganggapnya sebagai halangan daripada menggunakan perkhidmatan awam sama seperti masyarakat lain," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau juga tidak boleh melupa-

kan reaksi pemandu di Singapura yang terkejut apabila mendapati tetamu itu adalah Anwar.

"Pemandu yang menjemput kami terkejut apabila melihat pemimpin berjawatan tinggi ketika itu menaiki kereta api tetapi Anwar kata tak salah baginya untuk merasa pengalaman menaiki pengangkutan awam terbabit," katanya.

Kini selepas lebih 20 tahun, beliau ingin merasa pengalaman lalu dan berpuas hati dengan khidmat KTMB.

Berjaya catat 94% sasaran 2015

MB: RM2.2 bilion kutipan hasil menjelang akhir tahun

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berjaya mencatat 94 peratus kutipan hasil daripada sasaran belanjawan 2015, setakat 13 Ogos lalu, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata pihaknya yakin catatan positif itu memungkinkannya sasaran penuh RM2.2 bilion dapat dikutip menjelang akhir tahun ini.

"Dalam tempoh sama, kita berjaya mencatatkan RM3.7 bilion kumpulan wang disatukan iaitu lebih sebilion daripada jumlah derma yang diterima seseorang.

"Jumlah itu juga meningkat berbanding RM3.28 bilion setakat 31 Ogos 2014 dan RM3.2 bilion pada 31 Disember 2014," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 17 Ogos lalu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan lisan daripada Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan)



LAPORAN OLEH
AFEEQA AFEERA, AFIX REDZUAN,
HAFIZAN TAIB, LIZAWATI MADFA,
NAEEM RAFFI, NAZLI IBRAHIM,
NORHAYATI UMOR & SYASYA SUFIAN
FOTO OLEH
ASRI SAPPFIE, REMY ARIFFIN
& SHUAIB AYOB



berhubung prestasi kewangan terkini Selangor.

Mengulas perkembangan ekonomi global dan negara, Mohamed Azmin, berkata perkara itu memberikan kesan minima ke atas prestasi kewangan dan dana

yang diuruskan Kerajaan Negeri.

"Ini disebabkan tiada risiko pelaburan luar negara dan instrumen pelaburan berubah ikut pasaran yang mungkin memberi kesan negatif secara langsung kepada kewangan negeri," katanya.

Penjawat awam 'aset' kuat jana pendapatan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memuji profesionalisme yang ditunjukkan penjawat awam hingga melonjakkan ekonomi negeri.

Beliau menganggap penjawat awam 'aset' yang kuat dalam memberikan khidmat profesional bagi mengendalikan dasar Kerajaan Negeri seterusnya membuah hasil menjana pendapatan.

"Merujuk kepada prestasi kewangan dan kedudukan kewangan negeri, saya mengambil kesempatan bersyukur dan gembira melihat Pegawai Kewangan Negeri yang bertugas semula selepas menjalani sedikit rawatan, baru-baru ini.

"Walaupun doktor menasihati supaya berehat tetapi beliau menunjukkan komitmen begitu tinggi untuk terlibat dengan sidang dewan.

"Saya memulakan ini kerana melihat prestasi kewangan negeri bergantung kuat dengan komitmen penjawat awam," katanya da-

“
Kita tidak mahu mengulangi kesilapan lepas dengan berikan 'batang penyapu' pada penjawat awam
MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

lam Sidang Dewan Negeri Selangor, pada 17 Ogos lalu.

Mohamed Azmin, berkata Kerajaan Negeri sentiasa menghargai sumbangan yang diberikan anggota perkhidmatan awam.

"Kita tidak mahu mengulangi ke-silapan lepas dengan berikan 'batang penyapu' pada penjawat awam atau mengherdik mereka dengan istilah tidak sihat dan memburu serta menangkap pegawai penyiasat.

"Ini semua perkata yang tidak boleh dilakukan," katanya.

DEIG tak sama dengan 1MDB

SHAH ALAM - Penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) bertujuan meningkatkan hasil keuntungan juga mengurangkan risiko pelaburan dan masih tertakluk di bawah enakmen Pemerdagangan Menteri Besar (MBI).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata ia mendatangkan risiko langsung kepada Kerajaan Negeri jika diletakkan di bawah MBI seperti amalan sebelum ini.

Katanya, DEIG adalah syarikat induk ekonomi yang bertanggungjawab mengendalikan urusan pelaburan di bawah milikan penuh MBI.

"MBI yang mempunyai aset bernilai RM6.3 bilion membabitkan 12 anak syarikat di bawahnya. DEIG tidak bertindak sebagai pesaing mereka.

"DEIG tidak ada buat pinjaman modal, tiada aset dan anak syarikat dikendalikan yang mula beroperasi pada suku pertama 2016," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS).

Sementara itu, ketika ditanya persoalan sama oleh pemberita, Mohamed Azmin menafikan penubuhan DEIG sama seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"DEIG tidak berperanan sebagai pihak tengah seperti yang didakwa Pelaburan Klang (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim), berbanding 1MDB iaitu syarikat berasingan dan tidak menerima arahan langsung dari Kementerian Kewangan.

"DEIG adalah milik penuh MBI dan semua yang ada di peringkat dasar akan diputuskan pemerdagangan itu. Namun, DEIG akan menguruskan pelaburan kerana terikat dengan enakmen sedia ada dan

yang akan ditambah baik," katanya.

Mohamed Azmin berkata, konsep itu sama seperti diamalkan peringkat persekutuan apabila MOF Inc dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan dan Kementerian Kewangan tetapi semua pelaburan dilakukan oleh pihak khazanah.

Persoalan berkenaan penubuhan DEIG menimbulkan kekeliruan di peringkat Adun dalam persidangan DNS kali ini.

Antara yang turut membangkitkan pertanyaan selain Abdul Khalid adalah Yeoh Bee Yin (DAP-Daman-sara Utama), Lau Weng San (DAP-Bukit Tunku), Ng Suee Lim

(DAP-Skinchan) dan Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang). Mereka turut melahirkan kebimbangan DEIG tidak boleh diaudit serta tidak dimaklumkan berkenaan perkembangannya di dalam DNS.

Projek jambatan ke-3 Klang siap 36%

SHAH ALAM - Projek Pembinaan Jambatan Ketiga Sungai Klang menunjukkan kemajuan sebanyak 36.18 peratus setakat ini mendahului sasaran yang ditetapkan iaitu 34 peratus.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy

Abdul Talib, berkata pembinaan jambatan itu menunjukkan kemajuan di tapak dengan mendahului jadual sebanyak 2.18 peratus.

Zaidy (PAS-Taman Templer) berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan daripada Sulaiman Abdul Razak (BN-Per-

matang) pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13, di sini, pada 17 Ogos lalu.

Pada masa sama, katanya proses pengambilan tanah dilaksanakan Pejabat Daerah dan Tanah Klang serta mematuhi Akta

Pengambilan Tanah 1990 yang melibatkan kos keseluruhan lebih RM41.49 juta.

"Manakala, kos kontrak fasa satu berjumlah RM199 juta dan dianugerahkan kepada syarikat Cergas Murni Sdn Bhd secara tender terbuka," katanya.

Jambatan Ketiga Klang dijangka siap pada 13 Julai 2016 dan mampu mengatasi kesesakan lalu lintas sekitar Bandar Klang, Jambatan Tengku Kelana dan Jambatan Kota hingga kira-kira 20 peratus berbanding aliran trafik pada masa ini.

Air percuma 20 meter³ kekal

Kos naik tapi tak beban rakyat

SHAH ALAM - Tiada sebarang keputusan atau rancangan untuk memansuhkan program pemberian air percuma 20 meter padu dinikmati rakyat Selangor, sejak 2008.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata walaupun kos perkhidmatan meningkat, namun Kerajaan Negeri tidak sesuka hati memindahkannya kepada rakyat.

Beliau berkata, langkah penambahan terus dilakukan memandangkan Kerajaan Negeri berbelanja besar sehingga RM250 juta setahun untuk program itu.

"Kalau ada kelemahan perlu diperbaiki, tetapi memang tiada keputusan mansuh," katanya kepada pemberita di lobi Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 17 Ogos lalu.

Mohamed Azmin, berkata sebarang cadangan baru untuk



menambahbaik program sedia ada perlu dibahaskan pada sidang DNS ketika pembentangan Belanjawan Negeri, pada November ini.

Katanya, setakat ini terdapat pihak menyalahgunakan pemberian air percuma untuk tujuan tidak sepatutnya.

"Saya minta untuk debat ketika Belanjawan kerana kita peruntukkan jumlah besar setiap tahun untuk membolehkan rakyat betul-betul dapat manfaat.

"Ketika ini, ada yang guna (air percuma) untuk berkebun, basuh kereta dan kolam renang tetapi ia bukan tujuan program itu diadakan.

"Kalau diberi kepada yang dapat RM2.6 bilion, tidak bermakna pemberian air percuma ini," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, penggunaan air semakin meningkat apabila penghuni di pembangunan berstrata kini menggunakan sepenuhnya meter individu yang menyebabkan kos bertambah untuk menampung pemberian air percuma.

"Apabila masalah meter pukal selesai, maka kos meningkat. Kewangan negeri stabil cuma saya mahu setiap sen yang dibelanjakan benar-benar dimanfaatkan secara adil tanpa kebocoran atau ketirisan," katanya.

Penstrukturan tak ganggu bekalan air

SHAH ALAM - Penstrukturan semula industri air Selangor tidak boleh dikaitkan dengan punca gangguan bekalan air terawat yang berlaku di beberapa kawasan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri komited menyelesaikan masalah itu dan hanya menunggu Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) untuk diambil alih.

"Sekarang, kita hendak ambil langkah supaya bekalan air terawat tidak mengalami gang-

guan.

"Bekalan air mentah di Selangor mencukupi dengan rizab yang meyakinkan, cuma berlaku kekurangan pada jumlah air yang dirawat kerana loji rawatan mengeluarkan kapasiti penuh," katanya kepada pemberita di lobi Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 17 Ogos lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata terdapat beberapa langkah dilaksanakan untuk mengatasi gangguan bekalan air.

Antaranya, Projek Mitigasi 2 yang mengalihkan lebih air mentah di utara Selangor ke selatan negeri yang menunjukkan kesan positif.

"Apabila Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) yang mengagihkan air terawat diambil sepenuhnya, kita akan minta supaya kaedah pengagihan dikaji semula.

"Keperluan Loji Rawatan Air Langat 2 juga mendesak dan kita mahu Kerajaan Persekutuan menyiapkan projek itu mengikut jadual," katanya.




TINJAUAN ORANG RAMAI



“ Dengan bebanan GST, kenaikan harga barangan dan petrol oleh Kerajaan BN, program pemberian air percuma perlu diteruskan sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin serta peduli rakyat. Rakyat Selangor sangat menghargai usaha berterusan untuk kebajikan yang ditunjukkan

Kakitangan swasta, Ernie Lora, 31



“ Alhamdulillah, satu rahmat daripada Allah SWT. Kita faham Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung kos perkhidmatan yang tinggi. Namun, satu rahmat daripada kerajaan yang peduli rakyat apabila mahu berkongsi keajaan negeri secara berterusan

Kakitangan swasta, Siti Norain Masraban, 29

Tawaran konsesi air kekal RM1.68 bilion

SHAH ALAM - Tawaran bagi mengambil alih tiga syarikat konsesi kekal dengan jumlah RM1.68 bilion sehingga hari ini, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, Puncak Niaga Sdn Bhd ditawarkan RM1.07 bilion, Syarikat Bekalan Air Selangor pula RM0.52 bilion dan RM0.09 bilion untuk Konsortium ABBAS Sdn Bhd.

"Kos pengambilalihan ditanggung Air Selangor yang bersetuju memindahkan aset air dan tanah bernilai RM2 bilion kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk jumlah perimbangan tunai dengan nilai sama.

"Air Selangor membiayai pengambilalihan 100 peratus kepentingan ekuiti dalam syarikat pemegang konsesi iaitu SYABAS, Puncak Niaga, ABBAS dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan daripada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Kajang) berhubung industri air, di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 17 Ogos lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata rundingan bersama SPLASH masih berjalan dan diberi tempoh 12 bulan selepas tamat perjanjian utama.

Katanya, bahan rujukan berhubung industri air juga diterbitkan bagi mengelak salah faham dan memudahkan pemahaman rakyat.

"Saya sudah mengemukakan rancangan kepada Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) untuk siapkan penjelasan yang lebih mudah difahami supaya tidak timbul fitnah dalam kalangan rakyat ketika Kerajaan Negeri berusaha memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Mekanisme saham air dikaji

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersedia mengkaji mekanisme sesuai untuk memberikan saham air kepada rakyat seperti dicadangkan mantan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali (PKR-Bukt Antarabangsa), berkata cadangan itu boleh dipertimbangkan dengan syarat pengambilalihan syarikat konsesi diselesaikan sepenuhnya.

"Jika program itu baik dan memberikan manfaat, kita boleh pertimbangkan.

"Mekanisme pelaksanaan per-

lu diperincikan dan dibawa dalam Dewan Negeri Selangor (DNS) untuk dibincangkan," katanya ketika menjawab soalan tambahan dikemukakan Shahrul Mohd Sharif (BN-Dengkil).

Pada masa sama, Mohamed Azmin menjelaskan nasib dan kebajikan kakitangan syarikat konsesi terus dijaga selain diserap bekerja walaupun pengambilalihan syarikat konsesi selesai.

Beliau ketika menjawab soalan Rosni Sohar (BN-Hulu Bernam) memberi jaminan tidak berlaku sebarang masalah pekerjaan kepada kakitangan terbabit.

KENYATAAN PRA KELAYAKAN PERKHIDMATAN PERUNDING

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mempelawa firma-firma perunding yang berminat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia menyertai Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding untuk berdaftar sebagai Panel Perunding PKNS bagi sesi / tahun 2016-2017 mengikut Kod Bidang masing-masing. Kod Bidang adalah seperti berikut :-

KOD BIDANG PERUNDING FIZIKAL	KOD BIDANG PERUNDING BUKAN FIZIKAL
i) 330101 – Kejuruteraan Awam	i) 340101 – Kajian Organisasi
ii) 330102 – Kejuruteraan Struktur	ii) 340102 – Kajian Penswastan Dan Pengkomersilan
iii) 330103 – Kejuruteraan Elektrik	iii) 340103 – Kajian Ekonomi
iv) 330104 – Kejuruteraan Mekanikal	iv) 340105 – Kajian Pemasaran Dan Penyelidikan
v) 330116 – Penilaian Harta (Forensic)	v) 340106 – Kajian Sumber Manusia
vi) 330201 – Arkitek	vi) 340108 – Pengurusan Keselamatan
vii) 330202 – Ukur Bahan	vii) 340109 – Pengurusan Nilai Bukan Fizikal
viii) 330203 – Ukur Tanah	viii) 340201 – Kajian Rangkaian Pengangkutan
ix) 330204 – Hiasan Dalaman	ix) 340202 – Kajian Trafik
x) 330205 – Arkitek Landskap	x) 340401 – Kajian Kewangan
xi) 330206 – Perancang Bandar dan Wilayah	xi) 340402 – Kajian Percukaian
xii) 330207 – Kajian Alam Sekitar	xii) 340403 – Penilaian Harta/Hartanah
xiii) 330208 – Ukur Bangunan	xiii) 340404 – Kajian Pelaburan
xiv) 330209 – Pengurusan Nilai Fizikal	xiv) 340601 – Kajian Telekomunikasi
	xv) 340602 – Perancangan Strategik ICT (ISP)
	xvi) 340603 – Kajian Pengurusan Infrastruktur ICT
	xvii) 340604 – Kajian Pengurusan Keselamatan ICT
	xviii) 340605 – Kajian Pengurusan Maklumat ICT
	xix) 340801 – Kajian Pencahayaan
	xx) 340802 – Kajian Audiovisual Dan Akustik
	xxi) 341001 – Kajian Pengurusan Tenaga
	xxii) 341002 – Kajian Teknologi Hijau

Syarat Mandatori :

1. Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang yang dinyatakan diatas. **(Wajib)**
2. Firma berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk nombor GST. **(Wajib)**
3. Terbuka hanya kepada firma-firma yang bertapak / bermastautin di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kuala Lumpur sahaja. Firma yang mempunyai CAWANGAN di Selangor dan Kuala Lumpur juga boleh turut serta.
4. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf 'Sendirian Berhad' atau berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing.
5. Firma telah beroperasi sekurang-kurangnya 5 tahun.
6. Bilangan minimum kakitangan ikhtisas firma, 15 orang.
7. Sekurang-kurangnya dua (2) orang kakitangan ikhtisas yang mempunyai kepakaran dalam bidang perunding utama; atau melaksanakan dua (2) atau lebih sebagai sub-perunding.
8. Firma pernah melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) projek seumpama sebagai perunding utama; atau melaksanakan dua (2) ATAU LEBIH SEBAGAI SUB-PERUNDING,
9. Firma mempunyai Sijil ISO.
10. Firma perunding yang menepati syarat-syarat di atas boleh mendapatkan Dokumen Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bahagian Perolehan, Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor bermula pada 17 Ogos 2015 hingga 17 September 2015. Sila bawa bersama-sama Sijil Suruhanjaya Syarikat (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Surat No GST Daripada JKDM yang Asal dan Salinan semasa membeli dokumen.
11. Dokumen pelawaan dijual dengan harga RM53.00 termasuk 6% GST bagi setiap satu (1) dokumen dalam bentuk Bank Draf, Cek, atau Kiriman Wang atas nama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Dokumen Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan dicatat dengan jelas 'Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding 2016-2017' berserta Kod Bidang terlibat disebelah kiri atas sampul serta dimasukkan ke dalam peti di alamat seperti di Para 10, selewat-lewatnya pada 17 September 2015 sebelum Jam 12 Tengahari. Dokumen Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

Hanya Firma yang lulus proses penilaian Pra Kelayakan Perkhidmatan Perunding akan didaftar sebagai panel PKNS.

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN, SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55201321 No. Fax : 03-55104504
Email : perolehan@pkns.gov.my
http://etender.pkns.gov.my

Tribunal Pembangunan Strata

Lantik dua wakil Selangor

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Dua wakil dari Selangor perlu dilantik sebagai anggota Tribunal Pembangunan Strata (TPS) yang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Samad, berkata Kerajaan Negeri berseutu dengan pelaksanaan TPS yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) itu kerana akta terdahulu banyak kelemahan dan tidak lengkap.

"Akta baru ini amat diperlukan kerana yang dahulu iaitu Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) mempunyai banyak kelemahan.

"Kerajaan Negeri terpaksa membuat peraturan tambahan



berkenaan pembangunan strata bagi menyelesaikan masalah dalam pembangunan itu," katanya dalam kenyataan.

Iskandar berkata, TPS ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), namun ia perlu mendapat persetujuan semua negeri untuk dilaksanakan di peringkat berkenaan.

Katanya, akta terbabit tidak dapat dikuatkuasakan atau TPS tidak boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah di pembangunan berstrata seperti pangsapuri dan kondominium tanpa persetujuan negeri.

"Kerajaan Negeri sentiasa berada di hadapan dalam usaha menyelesaikan masalah dihadapi penduduk pembangunan berstrata.

"Ini terbukti apabila Kerajaan Persekutuan mengambil kira usaha Kerajaan Negeri apabila merangka akta baru ini," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) turut mewujudkan jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa PRIHATIN untuk mendengar melibatkan pembangunan berstrata.

"Tetapi dengan penguatkuasaan akta baru, TPS mengambil alih tugas Jawatankuasa PRIHATIN," katanya.

Sidang Dewan Negeri Selangor meluluskan resolusi untuk memberi kuasa eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menubuhkan TPS, pada 17 Ogos lalu.



Kerajaan Negeri terpaksa membuat peraturan tambahan berkenaan pembangunan strata bagi menyelesaikan masalah dalam pembangunan itu

ISKANDAR SAMAD
 Exco Perumahan,
 Pengurusan Bangunan
 Dan Kehidupan Bandar

OLEH NAZLI IBRAHIM

Pengeluaran telur ayam meningkat

Eksport ke Singapura lebih RM43.5 juta

SHAH ALAM - Pengeluaran telur ayam di Selangor sudah mencapai status keperluan sara diri, sekali gus membolehkan produk itu dieksport ke pasaran luar negara.

Mengikut data dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) negeri, Selangor mengeksport produk telur ayam ke Singapura bernilai RM43,518,900, pada 2014.

Nilai eksport itu terdiri daripada 125.76 juta biji telur dengan nilai eksport lebih RM38.98 juta.

Sementara putih telur cecair pula mencatatkan 85,515 kilogram (kg) dengan nilai eksport lebih RM1.53 juta dan 166,335 kg telur

cecair bernilai lebih RM2.99 juta.

Pengarahnya, Dr Akma Ngah Hamid, berkata DVS Selangor turut mensasarkan peningkatan ternakan ruminan bagi memenuhi keperluan rakyat negeri itu selain pengeluaran telur.

"Berbanding ternakan ruminan, pengeluaran telur di Selangor memang besar.

"Selain pengeluar kecil juga

sederhana, kita ada ladang paling besar seperti Selasih dan Lay Hong yang mampu membekal telur dalam kuantiti besar bagi menampung permintaan dalam serta luar negeri," katanya kepada Selangor Kini.

Ketika menyentuh pengeluaran ayam dan itik, Dr Akma, berkata pengeluaran di Selangor mampu membekalkan 73,630 tan metrik pada 2014 dengan keupayaan sara diri mencapai 38.16 peratus.

Beliau berkata, permintaan makanan berasas ternakan se-

makin meningkat disebabkan statusnya sebagai negeri maju yang menjadi tumpuan pencari pekerjaan.

"Justeru, menjadi keutamaan bagi kami memastikan jaminan bekalan makanan penduduk negeri ini sentiasa mencukupi," katanya.

Kebun komuniti dididik kanak-kanak kenal tanaman



SUBANG JAYA - Penduduk di Subang Jaya kini boleh memanfaatkan tanah lapang yang ada bagi mewujudkan kebun komuniti dengan syarat mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata projek itu semakin berkembang dan mendapat perhatian komuniti setempat bagi menggalakkan tanaman di kawasan bandar serta mendidik kanak-kanak mengenal sayur-sayuran.

Katanya, kebun komuniti itu

turut diusahakan di SS17, USJ3/4, USJ11/4 dan USJ13 selain di SS19/1.

"Projek ini popular di peringkat komuniti bukan sahaja disertai orang dewasa tetapi kanak-kanak juga ada 'checkpoint' mereka.

"Ia adalah projek yang sesuai untuk rekreasi keluarga. Apa yang saya perasan, kanak-kanak kurang mengetahui jenis pokok dan tanaman seperti sayur.

"Jadi, projek ini juga adalah cara mendidik mereka berkenaan tanaman dan sayuran," katanya ketika merasmikan pembukaan

Kebun Komuniti di SS19/1, baru-baru ini.

Projek itu turut disokong MPSJ dan menjadi antara kriteria penyumbang markah dalam pertandingan Zon Bersih.

Tanaman seperti herba juga boleh diusahakan di kebun komuniti kerana ia tidak terhad kepada sayur-sayuran atau buah-buahan.

Wakil penduduk, Johan Yeong, berkata mereka mengusahakan kebun itu membabitkan penyer-taan 12 orang dewasa dan lima kanak-kanak, sejak Disember lalu.

Pekerja ladang bakal miliki kediaman sendiri

SHAH ALAM - Beberapa langkah diperkenalkan Kerajaan Negeri dalam usaha membela nasib pekerja ladang bagi mendapatkan kediaman sendiri, kata Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Padang, V Ganabattirau.

Ganabattirau (DAP-Kota Alam Shah), berkata perbincangan sentiasa diadakan dengan majikan dan pemilik berhubung masalah kediaman serta kebajikan pekerja ladang.

"Beberapa siri lawatan dan turun padang diadakan ke ladang bagi mendapatkan maklum balas juga pandangan termasuk isu tapak rumah ibadat serta sekolah sebagai kemudahan pekerja," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 17 Ogos lalu.

Beliau berkata demikian sebagai respon kepada soalan lisan Mohd Haslin Hassan (PAS-Tanjung Sepat) berhubung kebajikan pekerja ladang.

Beliau berkata, sehingga kini beratus pekerja dibantu untuk mendapatkan kediaman sendiri dengan kerjasama majikan atau

pemilik ladang.

"Seperti Ladang Bukit Raja, seramai 75 keluarga dibantu memiliki rumah teres satu tingkat dengan tawaran diskaun selain mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan.

"Kita berjaya dapat persetujuan pemilik ladang untuk membina rumah kos rendah yang ditanggung sepenuhnya majikan bagi 22 keluarga di Ladang Bangi," katanya.

Kejayaan lain termasuk di Ladang Semenyih apabila 22 pekerja mendapat manfaat melalui pembinaan kediaman dan rumah ibadat dengan sekolah tamil sedia ada dikekalkan.

Bagi Ladang Dusun Durian pula, 107 keluarga sedang dibantu mendapatkan penempatan semula dalam memiliki rumah kediaman sendiri dan tapak kuil.

Kerajaan Selangor juga menyerahkan 30 ekar tanah kepada Kerajaan Persekutuan bagi penempatan semula lebih 300 bekas pekerja ladang Putrajaya di Taman Permata, Dengkil untuk pembinaan rumah teres.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunykatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Modal pelaburan RM1.95 bilion

62 projek perkilangan wujud 3,990 peluang kerja

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sebanyak 62 projek perkilangan dengan jumlah modal pelaburan RM1.95 bilion diluluskan Kerajaan Negeri, sehingga Mac lalu.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS & Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata ia merangkumi 45 projek baru dan 17 pengembangan atau pembesaran projek.

Chang Khim (DAP-Sungai Pinang) berkata, projek itu juga

berjaya mewujudkan 3,990 peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri itu.

"Selangor berusaha meningkatkan promosi pelaburan di dalam dan luar negara termasuk penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan serta perdagangan anjuran Biotech Corp.

"Kita juga menerbitkan iklan melalui media cetak dan elektronik di dalam juga luar negara untuk menarik lebih banyak pelaburan di Selangor," katanya

pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13, di sini, pada 17 Ogos lalu.

Kenyataan itu bagi menjawab pertanyaan lisan daripada Mat Nadzari Ahmad Dahlan (BN-Batang Kali).

Sehubungan itu, Chang Khim, berkata Kerajaan Negeri turut mengambil peluang mengadakan pertemuan bersama pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.

Katanya, Exco juga sentiasa

memantau kemajuan dan membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelaras Projek.

"Selangor turut aktif menyertai pameran pelaburan dalam dan luar negara serta mengadakan mesyuarat berkala bagi menyelesaikan isu infra di kawasan perindustrian bersama pihak berkuasa tempatan," katanya.

Setakat ini, jumlah pelaburan asing melebihi RM1.15 juta sementara tempatan RM797,219.



Teng Chang Kim

418 Rumah Selangorku di Gombak menjelang 2019

GOMBAK - Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) Idaman PKNS Kampung Seri Temenggung yang bakal berada di pasaran, pada suku kedua 2019.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata projek Rumah Selangorku terbaru itu adalah komitmen berterusan bagi memenuhi permintaan tinggi rakyat negeri itu.

"Berdasarkan keadaan nilai ringgit merosot dan suasana ekonomi yang kian gawat, maka permintaan Rumah Selangorku bukan sahaja mendesak kepada mereka berpendapatan rendah tetapi meningkat dalam kalangan berpendapatan sederhana.

"Sekali lagi, Kerajaan Negeri menyambut cabaran ini untuk membina lebih banyak Rumah Selangorku. Sudah tentu peranan PKNS amat besar selaras dengan matlamat asal penubuhannya menjana pertumbuhan baru serta mengagihkan kekayaan negeri kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran berkenaan di Dewan Beringin Taman Sri Gombak, di sini, pada 14 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad; Pengurus Besar



PKNS, Azlan Md Alifiah dan Pengerah Eksekutif LPHS, Norzaton Aini Mohd Kassim.

Projek terbaru PKNS itu memabitkan pangsapuri 12 tingkat dengan 418 unit yang bakal dijual bermula pada RM165,000 seunit mengikut keluasan tapak.

Sementara itu, 29 unit dipertukarkan khas kepada peneroka asal Kampung Seri Temenggung pada harga RM65,000 seunit dan 10 lagi dikhaskan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU).

Setiap unit menampilkan reka

bentuk moden dengan keluasan lantai 850 kaki persegi (kps) dan dilengkapi tiga bilik tidur serta dua bilik air.

"Kalau teliti harga pasaran, rumah ini bernilai lebih RM300,000 seunit. Maka, mereka yang memiliki Rumah Selangorku ditetapkan untuk tidak menjual hartanah itu sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun.

"Kita tak mahu sebarang spekulasi hartanah sehingga menyebabkan harga tidak dapat dikawal," katanya.

PKNS Real Estate tambah 15% pendapatan kasar

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Real Estate terus komited membangun dengan peningkatan 15 peratus pendapatan kasar pada separuh pertama tahun ini.

Pengurus Besar PKNS Real Estate, Fakru Radzi Ab Ghani, berkata prestasi tahun ini lebih memberangsangkan dengan kos pendapatan RM28 juta berbanding 2014.

"Walaupun kita menghadapi beberapa kekangan akibat masalah ekonomi yang kurang baik tetapi itu tidak dijadikan halangan untuk terus bekerja keras.

"Kita terus merangka bebe-

rapa strategi baru demi mencapai matlamat syarikat," katanya pada rumah terbuka PKNS Real Estate, di sini, pada 13 Ogos lalu.

Fakru Radzi berkata, PKNS Real Estate juga dalam usaha mereformasikan aset yang dibeli pada 2014.

"Antara aset yang akan dipertingkatkan adalah Kompleks PKNS Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi, SACC Mall, Menara PKNS Petaling Jaya dan Menara World Wide.

"Matlamat kami untuk memastikannya berwajah dan berimej baru pada awal tahun depan supaya lebih berdaya saing," katanya.



Fakru Radzi (kiri) bersama-sama dalam majlis sambutan rumah terbuka PKNS Real Estate



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN

Pra-Kelayakan adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 300 UNIT RUMAH LINK YANG MENGANDUNGI, 64 UNIT RUMAH LINK 3 TINGKAT JENIS A1 (28'x70'), 236 UNIT RUMAH LINK 2 TINGKAT JENIS A2 (28'x70'), JENIS B (26'x70') DAN JENIS C (24'x70'), BESERTA 3 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK 2 RUANG, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PT 27968, SEKSYEN 5, SELANGOR SCIENCE PARK 2, BUKIT BAJA, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN. UNTUK TETUAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

No.	Perkara	Huraian
1.	Skop Kerja	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja Awalan 2. Kerja-kerja Cerucuk 3. Kerja-kerja Bangunan 4. Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal 5. Kerja-kerja Infrastruktur 6. Kerja-kerja Landskap 7. Kerja-kerja lain yang berkaitan
2.	Syarat-syarat Pra-Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Syarat pendaftaran adalah berdaftar dengan CIDB Gred G7 Pengkhususan B04, CE21 Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dari CIDB, Sijil Pengiktirafan Bumiputera (PKK). (Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari memasuki tender tidak layak untuk memasuki Pra-Kelayakan). 2. Berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di dalam GST. 3. Mempunyai Pengalaman 'Qlassic' atau 'CONQUAS' bagi projek perumahan. 4. Mempunyai pensijilan dan pengalaman kerja - seperti yang disenaraikan di bawah : <ol style="list-style-type: none"> i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) ii) Amalan kerja yang berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007) iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004) 5. (Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen Pra-Kelayakan) 6. Mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan Teknikal. <ol style="list-style-type: none"> i) Nilai 'Nett Worth' melebihi RM4.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM2.0Juta ii) Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM 150Juta iii) Rekod prestasi kerja yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja iv) Pengalaman projek sebanding
3.	Borang Pra Kelayakan	<p>BorangPra-Kelayakan boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 21 Ogos 2015 sehingga 07 September 2015 semasa waktu pejabat, tidak lewat dari 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat.</p> <p>Borang Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa dan membawa bersama sijil asal pendaftaran.</p> <p>Bayaran Dokumen Pra-Kelayakan RM 53.00 (Termasuk 6% GST) yang perlu disediakan dalam bentuk Wang Pos atau Bank Draf atas nama : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan).</p>
4.	PenyerahanDokumen	<p>Borang yang telah lengkap dengan CV terperinci berserta dokumen-dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dan bertulis dengan jelas tajuk projek hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat :-</p> <p>Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, PersiaranSukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. No. Tel : 03-55201234 atau layari Web Tender PKNS di http://etender.pkns.gov.my</p>
5.	Tarikh Tutup Penyerahan Pra-Kelayakan	14 September 2015 sebelum jam 12.00 Tengahari

- Dokumen yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Hanya Kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan dan layak ke peringkat Tender seterusnya.

Hulur bantuan rentasi sempadan

OLEH HAFIZAN TAIB

Penubuhan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) walaupun baharu menjangkau tiga tahun, namun pelbagai program kebajikan berjalan membantu masyarakat memerlukan di Selangor. Malah, program kebajikan YIDE turut menjangkau ke beberapa buah negeri. Ikuti wawancara bersama **Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIDE, Nur Mohd Razali Abdullah.**

Q&A

Boleh jelaskan berkenaan penubuhan YIDE dan peranannya?

YIDE ditubuhkan pada 2012 di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hasil cetusan idea DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang melawat mangsa tanah runtuh di Rumah Anak Yatim Al-Taqwa, Hulu Langat. Hasil penubuhannya menyebabkan bantuan mampu disalurkan MAIS dengan kadar segera kepada mangsa.

Terdapat tiga aktiviti utama yayasan iaitu pertama daripada segi bantuan malapetaka meliputi banjir, kebakaran, tanah runtuh dan kemalangan. Bantuan dalam kategori ini tidak sekadar fokus kepada Selangor tetapi



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

turut ke negeri lain contohnya pada 2013, kita ke Chenor, Pahang selain awal tahun ini ke Kelantan.

Kita menghulurkan sumbangan kewangan serta keperluan diri kepada golongan sasaran dan membaikpulih serta naik taraf masjid membabitkan kos kira-kira RM300,000.

Kedua, kita menguruskan anak yatim di seluruh Selangor apabila terbabit dalam program Ihya Ramadan bersama Sultan Selangor, tahun ini. Kita me-

nyumbang RM100 kepada setiap anak yatim dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM780,000.

Ketiga, yayasan juga menawarkan perkhidmatan dialisis di Selangor. Ketika ini, kita mempunyai enam pusat dialisis iaitu di Sungai Besar, Kuala Selangor, Taman Melawati, Klang, Shah Alam dan terbaharu, Bukit Jelutong. Kita mensasarkan penubuhan pusat dialisis di setiap daerah dengan belanja keseluruhan lebih kurang RM1 juta.



Pusat Dialisis MAIS, Cawangan Shah Alam



Dalam tempoh dua tahun, yayasan banyak terbabit dalam kerja amal. Bagaimana perancangan untuk mendapatkan peruntukan bagi menjayakan program?

Kita membuat permohonan bantuan sumbangan daripada syarikat korporat dan pelbagai agensi. Jumlah sumbangan diterima kira-kira RM1.2 juta sepanjang tahun lalu. Kita juga berkoordinasi dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, pejabat penghulu dan semua nazir masjid di Selangor.

Tahun ini, kita menganjurkan Kejohanan Golf Amal di Amverton Cove Golf and Islamd Resort Sdn Bhd, Pulau Carey, bagi tujuan mendapatkan dana, yang akan berlangsung pada 31 Oktober ini.

Yayasan mendapat sokongan MAIS dan jawatankuasa induk yang memberi kerjasama penuh bagi menjayakan kejohanan berkenaan. Kita mensasarkan pulangan dana kira-kira RM1 juta daripadanya.

Kemungkinan, ia akan menjadi kejohanan golf tahunan selain beberapa program lain seperti larian buah pinggang dan anak yatim. Tiga program ini menjadi fokus YIDE tahun depan.

Apa sasaran YIDE berhubung program bantuan dilaksanakan?

Bantuan untuk anak yatim, kita letak tempoh tiga tahun dan tahun ini kita giat membuat pendaftaran mereka untuk seluruh Selangor diikuti tahun depan, kita jalankan pendaftaran rumah anak yatim pula. Selepas

“

Terdapat tiga aktiviti utama yayasan iaitu pertama dari segi bantuan malapetaka meliputi banjir, kebakaran, tanah runtuh, dan kemalangan. Bantuan dalam kategori ini tidak sekadar fokus kepada Selangor tetapi turut ke negeri lain contohnya pada 2013, kita ke Chenor, Pahang selain awal tahun ini ke Kelantan

NUR MOHD RAZALI
Ketua Pegawai Eksekutif YIDE

itu, jika berkemampuan yayasan juga memberi bantuan geran tahunan kepada rumah anak yatim, Insya Allah.

Untuk tahun ketiga iaitu pada 2017, YIDE merancang menubuhkan rumah anak yatim sendiri yang dikendalikan yayasan sepenuhnya.

Manakala pusat dialisis, yayasan merancang menubuhkannya di setiap daerah. YIDE sudah mempunyai enam pusat dialisis dan berusaha membuka empat lagi bagi memenuhi keperluan di semua sepuluh daerah di Selangor dalam masa lima tahun.



Bagaimana sambutan terhadap pusat dialisis ini?

Alhamdulillah, sambutan baik dan menggalakkan. Ini kerana kebanyakan pesakit di bawah tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pelbagai agensi lain.

Buat masa ini, semua pusat dialisis beroperasi secara maksimum dan dengan sambutan baik diterima terutamanya idea untuk kita tubuhkan di setiap daerah di Selangor.

Kita menawarkan harga berpatutan iaitu minimum RM150 bagi kos rawatan berbanding pusat lain yang lebih mahal. Secara keseluruhan terdapat kira-kira 200 pesakit di setiap pusat dialisis YIDE.

Adakah YIDE menghadapi masalah daripada segi jumlah peruntukan dan memerlukan dana tambahan?

Memang yaysan memerlukan peruntukan tambahan seperti tahun depan, kita menjalankan pendaftaran rumah anak yatim dan menjangkakan 15 rumah akan terlibat. Bila pendaftaran dibuat, kita menyalurkan bantuan geran kepada semua pihak berkenaan dan memerlukan peruntukan lebih bagi menjayakannya.

Tentunya peruntukan itu diper-

lukan daripada pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri, MAIS, LZS dan pelbagai agensi lain.

Anggaran pertambahan dalam berapa peratus?

Jumlah keseluruhan kira-kira RM1 juta digunakan berdasarkan program dijalankan sebelum ini, maka dengan pertambahan yang dirancang bagi program tahun depan, kita menganggarkannya meningkat sehingga 100 peratus.

Selain bantuan kepada anak



“

Kita sememangnya mempunyai jumlah kakitangan terhad di yayasan. Untuk menjayakan misi ini, kita tubuhkan pasukan sukarelawan. Dengan adanya pasukan ini, maka kita mampu bergerak dan menjayakan misi yang dirancang. Lebih kurang 100 sukarelawan terbabit dalam gerakan ini.

yatim dan perkhidmatan pusat dialisis, YIDE juga menyalurkan bantuan bagi mangsa malapetaka.

Boleh jelaskan selanjutnya?

Bagi mangsa malapetaka, bantuan banyak diberikan dalam bentuk wang tunai iaitu minimum RM500 seorang selain keperluan lain bila diperlukan.

Adakah YIDE mempunyai pasukan sendiri bagi menggerakkan misi bantuan?

Kita sememangnya mempunyai jumlah kakitangan terhad di yayasan. Untuk menjayakan misi ini, kita tubuhkan pasukan sukarelawan. Dengan adanya pasukan ini, maka kita mampu bergerak dan menjayakan misi yang dirancang. Lebih kurang

100 sukarelawan terbabit dalam gerakan ini.

Kebanyakan tenaga sukarelawan berdaftar dengan MAIS termasuk kakitangan sendiri. Selain itu, ia dianggotai kalangan pelajar universiti dan anggota masyarakat. Semua sukarelawan yang terbabit dalam program atau misi YIDE dilindungi insurans dan dibayar elaun.

Dengan adanya tenaga sukarelawan, maka YIDE mampu menyalurkan bantuan cepat kepada mangsa di kawasan perlu.

Kita mengharapkan penyertaan lebih ramai sukarelawan untuk tujuan ini dan mereka yang berminat boleh menghubungi YIDE secara terus.

Bagaimana perancangan YIDE seterusnya? Mungkin membesarkan operasi tidak setakat bantuan kepada anak yatim, pusat dialisis dan mangsa malapetaka?

Dalam tempoh tiga ke lima tahun memang YIDE fokus kepada tiga kategori ini dahulu berdasarkan peruntukan terhad diperolehi. Memang banyak perancangan sedang dirangka YIDE tetapi ia berbalik kepada peruntukan yang akan diperolehi.

Adakah YIDE menjalin kerjasama dengan mana-mana pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pihak lain untuk menjayakan program?

Bagi menjalankan semua program, YIDE bergerak sendiri dan tidak terikat dengan mana-mana NGO atau pihak tertentu. Ini kerana kita ingin menggerakkan program dengan bebas dan tidak mahu ada kekangan seperti politik.





▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali menziarahi dan bertanya khabar lima bakal haji membatikan tiga keluarga di DUN itu



▲ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin di Program Riang Ria Membaca di Kampung Chempaka anjuran bersama Kerajaan Negeri dan JKKK kampung itu. Lebih 100 kanak-kanak dan ibu bapa mengambil bahagian.



▲ Adun Hulu Klang, Saari Sungib menemani Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali merasmikan Wisma Jaiwan di Jalan Enggang, Taman Keramat yang diasaskan Pak Dali dan sudah beroperasi sejak 20 tahun lalu.



▲ Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari bersama penduduk Pangsapuri Bandar Baru Klang bergotong-royong bagi mencegah pembiakan denggi.



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong turun padang dan beramah mesra dengan penduduk Kampung Orang Asli Buloh Telor.



▲ Adun Sekinchan, Ng Suee Lim bersama masyarakat di Jamuan Hari Raya Aidilfitri Warong Nasi Lemak Man dan beramah mesra dengan penduduk Parit 7 Baroh.



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menziarahi keluarga Allahyarham Datuk Ujang Bagong di Sungai Kantan dan sedang menguruskan sumbangan SMUE sebanyak RM2500 kepada waris beliau.



▲ Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei meraikan bakal jemaah haji di DUN Sri Muda.



▲ Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad meraikan kehadiran beberapa Adun dan masyarakat bagi sambutan rumah terbuka DUN itu.

STUDIO FOURTEEN is the 1st to provide exquisite SOHO lifestyle with 24-hour doorman and concierge service in Section 14, the city centre of Shah Alam.



STUDIO FOURTEEN

- ✓ **Excellent Location:**
Strategically located in Section 14 which is in the heart of Shah Alam City Centre.
- ✓ **Low Density:**
Studio Fourteen comprises of only 196 units.
- ✓ **State of The Art Facilities:**
We also provide library and business centre with fiber optic infrastructure
- ✓ **Residents Well-Being:**
Roof top Skypark is the place to enjoy the extensive landscaping while enjoying the view from the rooftop garden.
- ✓ **Greater Capital Appreciation:**
In general, a low density project enjoys greater capital appreciation

Price from **RM317,959**

SOHO size from 450 sq ft

Pemaju / Tuan Tanah :
MEDINAH COURT SDN. BHD. (839339-X)
Suite C-12-11, Block C, Plaza Mont Kiara, No.2, Jalan Kiara, Mont Kiara, 50480 Kuala Lumpur.
TEL : 603-6201 7723 FAX : 603-6201 6723

Kolaj, surat dan emosi yang terselit di antaranya

OLEH NAJMUDDIN YUSOFF

Seawal usia enam tahun, Nurul Hana dipisahkan dari kasih sayang papanya - Datuk Seri Anwar Ibrahim selama enam tahun. Sedangkan usia itu paling kritikal buat seorang anak gadis untuk mengenali papanya.

Tentunya Hana tetap belajar mengenali papanya tetapi dengan cara yang jauh berbeza dari kita - yang sentiasa pulang kepada ibu bapa sehabis persekolahan harian, yang sentiasa ada untuk berbual

sebelum tidur.

Sebaliknya, Hana kenal papanya melalui surat-surat dari penjara. Mesej ringkas yang seolah-olah ditulis seperti sajak menyerlahkan sisi Anwar yang mungkin sangat peribadi.

Masihkah hari ini ada orang yang memerhatikan tulisan yang cantik, yang menjadi tanda peribadi seseorang pada era surat kian pupus dan diganti mesej elektronik?

*My darling Hana,
Sekolah sudah bermula,
Hana harus rajin membaca.
Jangan tunggu lama-lama,
Nanti mudah terlupa.
Tonton TV sekejap saja,
Jangan sampai tinggal kerja.
Selalu senyum dan rajin baca,
Itulah Hana yang bijaksana.*

Love, Papa

la comel. Ia manis. Itulah yang menjadikan surat-surat itu meruntun jiwa dilihat dari sudut manusiawi. Betapa Anwar seorang bapa dan Hana, kanak-kanak yang dipisahkan secara kejam.

Hana juga kenal papanya melalui media. Itulah yang menghubungkan Hana, papanya dan dunia sekitar mereka. Hana, papa dan dunia itu kemudian dicantumkan secara mikro dalam kolaj-kolaj yang penuh emosi. Dan pelekatnya dari air mata.


Buku My Dear Papa (edisi BM - Sayang Buat Papa) terbitan Gerakbudaya Enterprise, membawa kita seolah-olah berada di luar sebuah bilik cermin.

Dalam bilik cermin itu ada Hana, ada keratan surat khabar, ada gunting dan dakwat. Dakwat yang banyak tumpah di lantai adalah merah. Atau sebenarnya darah?

Pada dinding cermin, terlukis emosi yang bermacam ragam. Sedih, marah, cinta, rindu.

Kita boleh melihat tapi tidak dapat menangkap emosi itu secara benar kerana walau ia kuat, tetap terhalang oleh cermin. Juga takut menoleh ke kiri, kanan atau belakang, kerana risau akan menemui bukan seorang Hana, tapi ada lagi Hana-Hana lain.

Bayangkan, kenapa imej polis yang bengis perlu wujud dalam hidup seorang anak berusia enam tahun? Kenapa polis yang sepatutnya menjadi penjaga keselamatan, memecah masuk rumah Hana. Apa salah Hana? Bagaimana mahu menggambarkan emosi itu?



Jadi, Hana menggunakan bakatnya. Dengan bakat seni, kita berpeluang melihat keluarga Anwar melalui perspektif berbeza.

Hana memilih saat ini - saat bapanya

Hana juga kenal papanya melalui media. Itulah yang menghubungkan Hana, papanya dan dunia sekitar mereka. Hana, papa dan dunia itu kemudian dicantumkan secara mikro dalam kolaj-kolaj yang penuh emosi. Dan pelekatnya dari air mata

sekali lagi dikurung. Tentunya ia terlahir dari rasa mahu berkongsi, tak tertahan dan tidak boleh berdiam diri lagi.

Kezaliman, penganiayaan dan pencabulan berleluasa terhadap kuasa, negara dan rakyat perlu dihentikan.

Dari bilik cermin, Hana sedang memanggil kita sebenarnya. Mungkin kita tidak mendengar suaranya. Tapi kolaj-kolaj itu cukup kuat menyampaikan mesejnya.

Butalah kita jika tidak mahu melihat dan memahami.

Jangan biarkan Hana sendirian.



SEPURNAMA

Sepurnama telah semakin mesra di dada langit, rahmat semakin terang di dada manusia, syukur semakin tenang

Lantun doa tersimpan dalam, harapan tak terlelahkan oleh yang dicururkan, semakin bertambur debur guyur hamba di akhir masa (kembalilah hati seolah menyusun bisik taubat yang panjang) setelah sepurnama kita mengenal zulmat rasa dan pekat rahsia - membidik pahala meluntur dosa

Lalu di balik gemawan hidup, kita kutemukan dingin hujan - saling menjernih makna diri dalam sabda Tuhan yang benar dan sejati

RAEHAN INTISOR

BILA MAHLUK ASING BERBICARA

OLEH FITYANURAHMAN

SUDAHLAH Mad. Asyik terperuk dalam bilik sahaja. Keluar pun untuk makan, buang air. Kau ingat rumah ini hotel?" leter si ibu.

"Hmmmmm..."

"Mad, biasalah kalau gagal sekali-sekala dalam hidup" sambungnya.

Sambil membawa segelas kopi panas, kaki dilangkah semula ke bilik tidur atau boleh juga dipanggil tempat persembunyian sejak gagal di peringkat International Bachelorette. Sudah tiga bulan bersembunyi lantaran malu.

Kopi diletak di meja yang berselerak dengan nota dan jurnal atuk sambil kakinya menguis baju-baju busuk yang berterabur. Ditolak baju yang menggunung tinggi itu ke satu sudut.

Jurnal atuk dibuka lagi. Sejak 'bercuti', itulah kerjanya; menelaah jurnal atuknya yang ditemui di bawah kolong. Dalam banyak-banyak episod, paling menarik minatnya ialah episod atuk membuat liputan tentang makhluk asing.

Menurut catatan atuk, banyak rekod penemuan makhluk asing di Amerika. Catatan atuk itu menimbulkan satu persoalan.

"Kenapa tiada makhluk asing turun ke bumi Malaysia?"

Mad dihenyak persoalan sama. Sambil tergaru-garu kepala yang gatal lantaran tiga hari tidak mandi, mulutnya disua kopi yang kian sejuk.

"Puffi!" kopi yang separuh ditelan, tersembur. Terkejut mendapati ada anak lipas kecil mati keemasan dalam kopi itu.

Habis basah jurnal atuknya. Kertas yang kuning dek dimamah usia, kini kehitaman pula lantaran semburan kopi itu.

"Uhu... uhu! Uwek!" Diludah pula saki baki kopi. Sedang mengelap mulutnya, matanya tertancap pada helaian catatan atuk. Seakan-akan ada tulisan lain di catatan yang basah itu.

Disiram saki baki kopi ke helaian itu. Tangannya menguis lipas mati yang terkuak bersama-sama air kopi kemudian diangkat helaian itu menghadap cahaya.

"Wah, catatan rahsia!"

Dia kekaguman sendiri melihat ada tulisan tersembunyi. Tulisan yang tidak berapa jelas itu tertulis "Berkomunikasi dengan Mahluk Asing: Bagaimana?" Terserlah juga rajah yang dilukis kemas.

Sejak malam tadi, telefonku tidak berhenti berdering gara-gara video yang aku muat naik malam tadi 'Anak Melayu berkomunikasi dengan Mahluk Asing' menjadi viral.

Pintu bilikku diketuk.

"Mad, ada orang datang nak jumpa kau!" jerit ibuku.

"Siapa? Orang tengah serabut ni," balasku kemalasan.

"Err, wakil 'orang besar' katanya," balas ibuku. Bergetar sedikit suaranya seakan-akan ketakutan.

"Haaaa?"

Kereta limosin mewah itu meluncur laju meredah jalan raya yang sesak. Bunyi siren polis trafik yang mengiringi kereta itu samar-samar kedengaran.

"Skreeeeet!" kereta itu brek mengejut.

"Erm, macam mana ya? Err... Nampak gayanya... erm... macam ada... erm... demonstrasi..." kedengaran suara pemandu dari interkom.

"Demo apa pula? Pilihan raya lambat lagi. Harga minyak pun tengah turun. Haish, macam-macam. Kita ikut jalan lainlah," balas lelaki berkaca mata hitam yang membawa aku.

"Maaf, ada masalah sedikit," ujar lelaki itu padaku.

"Kita minum atau makan dulu?" sambil membuka peti ais kecil di bawah tempat duduk. Tangannya menekan alat kawalan jauh lantas menghidupkan radio.

"Assalamualaikum. Saya nak tanya Pak Ustaz, apakah hukum seorang manusia bernikah dengan alien?"

"Alien? makhluk asing?" Ustaz itu bertanya kembali. Semua yang berada di dalam kereta itu menanti jawapan ustaz itu. Jeda.

"Ehem ehem..." suara batuk si ustaz dari konti RadioKota.fm memecah kesunyian setelah siaran membisu beberapa saat.

"Pertama-tamanya, betul-betul wujudkah makhluk asing?" Ustaz menjawab dengan pertanyaan.

"Isu terhangat ustaz. Ada orang jumpa makhluk asing. Bolehkah kita manusia normal berkahwin dengannya?" Soalan kedengaran kembali.

"Pada sayalah, jika wujud makhlukasing dan mereka seakan-akan manusia juga. Maka hukumnya harus. Ini kerana, mereka seumpama kita, cuma berasal dari

tempat berbeza. Waallahua'lam."

"Satu lagi ustaz. Kalau harus hukumnya, bolehlah kita berpoligami dengan mereka? Bilangan pula bagaimana? Kita planet yang ada satu matahari boleh kahwin empat. Kalau mereka berasal daripada planet yang ada dua matahari?"

"Oh, sayang sekali. Terputus pula talian kita sebentar tadi," ujar deejay yang mengacara segmen 'Ustaz Ditanya' itu.

"Haha. Macam-macam manusia ni," ujar lelaki berkaca mata hitam tadi.

"Mana tetamu kehormat kita?" tiba-tiba suara asing bergema dari belakangku.

"Haa, awak inikan pemuda Melayu pertama berborak dengan makhluk asing?"

Aku menoleh ke arah punca suara itu. Kembang kempis hidung lelaki itu.

"Err... ya... sayalah tu..." jawabku.

Lelaki tadi membisik sesuatu kepada setiausahanya. Tiba-tiba wanita itu beredar meninggalkan aku berdua sahaja dengan Tan Sri itu.

"Kenapa saya dipanggil ke sini?" Aku keresahan.

"Sabar Encik Mad. Kita hanya ingin bincang sesuatu sahaja," katanya.

"Jadi, kita nak bincang apa ya?" Aku kebingungan. Tidak nampak hala tuju pertemuan ini.

"Kita nak bincang tentang pelancongan Encik Mad. Sempena Tahun Melawat Malaysia, agaknya makhluk asing yang awak hubungi itu, boleh dimanfaatkan untuk syarikat saya tak? Boleh tambah sumber pendapatan?" jawab Tan Sri itu sambil tersengih.

Mukanya berseri-seri seakan-akan anak kecil dapat gula-gula.

"Haaaa? Apa dia?"

USAI pertemuan itu, aku ingin segera pulang ke rumah. Terkejutnya aku dapat berhubungan dengan makhluk asing tidaklah sehebat terkejutnya aku akan reaksi orang sekeliling.

"Pertahankan status kita sebagai rakyat Malaysia!"

"Mahluk asing bangsa pendatang!" Hingar daripada kumpulan yang berdemonstrasi tadi kini dapatku tangkap.

"Alien bangsa bangsa!"



Pendemonstrasi tadi mulai hilang arah. Tidak lagi aman. Mula hilang kawalan. Aku pun begitu. Tidak semena-mena aku menyerbu mereka. Seakan-akan ada kuasa ghaib membantuku kerana mereka sendiri ketepi memberi aku ruang menuju ke tengah-tengah kumpulan itu.

Kuasa ghaib itu membuat sebilangan mereka muntah-muntah dan kembang kempis hidung. Aku terus merampas mikrofon daripada mereka.

"Assalamualaikum. Saya penduduk Bumi, warganegara Malaysia. Jadi, saya kira saya punya hak untuk katakan sesuatu."

"Diamlah pengkhianat!" Sayup kedengaran suara provokasi.

"Ya, saya akan diam. Tapi hanya selepas saya usai berkata-kata. Saya asing bagi kalian, dan kalian juga asing bagi saya. Maka, boleh dikatakan, kita juga makhluk asing."

"Apa kau mengarut budak!" kedengara suara itu menyambut bicaraku.

"Tidak, saya tidak mengarut! Kita inilah bangsa dan makhluk yang terasing! Apa yang tertanam dalam minda kita membuat kita semua terasing yang ekstrimis. Mudah melatah, lambat pula beralah. Apakah yang tertanam di dalam tempurung kepala kita?"

"Pertama, agama dilihat hanya dari sudut nikah dan kahwin. Sedangkan kedamaian yang tersirat gagal kita suratkan. Mana dia 'terciptanya' berlainan bangsa untuk saling mengenali? Tenggelam da-

lam keasingan!"

"Hoi, agama jangan buat mainlah!"

"Kedua, hidup dan mati demi keuntungan material! Ini memisahkan si kaya dengan si miskin. Yang kaya mencari mana sudut susahnya si miskin untuk didagangkan. Dagangan yang akhirnya menjadi tangis si miskin. Tidak kira jenama apa insan ini. Pak ustaz, bomoh atau doktor, apa yang ada dalam benaknya hanyalah 'kaching.. kaching... kaching!'"

Mereka yang tadi hingar mulai diam mendengar kata-kataku.

"Yang terakhir, warna kulit! Sayangnya, kita sanggup bermusuhan demi warna kulit. Pada hal kulit saya dan kulit kalian tidak pernah menjadi erti sebuah kemuliaan. Kita asingkan diri daripada mereka yang berbeza kulit tapi bila mereka bangkit berjaya, kita salahkan mereka pula. Kononnya, demi hak kulit anda!"

"Persoalannya, siapa sebenarnya makhluk asing di bumi sendiri?" aku menamatkan bicara. Sejurus itu, aku ditarik keluar dari kerumunan itu.

"Hish, berani sangat awak ni!" Lelaki berpakaian serba hitam itu rupa-rupanya.

"Ayuh, mari saya hantar kamu pulang,"

"Saya tak mahu pulang ke rumah..." kataku.

"Habis, nak hantar kamu ke mana?"

"Tolong hantar saya ke planet lain."

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

OLEH LIZAWATI MADFA

Kemudahan tak selesa dan terhad

Bersalin di mana?

SELEPAS sembilan bulan mengandung dengan pelbagai dugaan dan cabaran, pastinya si ibu mahukan tempat bersalin yang selesa dan lengkap dengan segala kemudahan yang diperlukan.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu, kebanyakan ibu pasti mahukan perkhidmatan yang mengenakan bayaran rendah sesuai dengan nilai perkhidmatan.

Pilihannya tentu hospital kerajaan yang menawarkan harga serendah RM10 sehingga RM300, bergantung kepada kelas wad bersalin.

Bagaimanapun, bagi ibu kepada dua anak, Ain Lee, 28, pengalaman kali terakhir bersalin di sebuah hospital kerajaan di Lembah Klang begitu mengerikan.

Dia yang mula mendaftar masuk dengan bukaan jalan satu sentimeter (cm) terpaksa menunggu di atas kerusi selama dua malam akibat kekurangan katil.

"Bayangkan dengan 'contraction' yang kerap menyerang, saya hanya bertahan di atas kerusi. Bukan saya seorang, bahkan ramai lagi sehingga ada yang terpaksa duduk di kafe-taria.

"Saya juga meminta ahli keluarga termasuk suami untuk tidak datang melawat sepanjang tempoh itu kerana tidak mahu kehadiran mereka membuat saya semakin sedih dan hilang semangat," ceritanya.

Bukan itu sahaja, kekurangan kakitangan berkemahiran me-

nyambut kelahiran anak keduanya ketika itu juga membuatkan dia bertambah trauma.

"Saya disambut seorang jururawat sahaja tanpa doktor. Dia tidak cermat dan cekap, jahitan di bawah dibuat berkali-kali, sakitnya Tuhan saja yang tahu," katanya sambil menambah pengalaman berkenaan membuatkan dia tidak mahu mengandung lagi kerana serik.

Keadaan seperti itu bukan lagi sesuatu yang baru kedengaran, berbagai cerita kurang enak bersalin di hospital kerajaan sekian lama didendangkan kaum ibu. Sama ada benar, tidak benar atau ditokok tambah.

Dalam keriuhan dendangan kurang enak bersalin di hospital kerajaan, Mohd Asfarizan, 29, berkongsi pengalaman berbeza isterinya ketika melahirkan bayi sulung mereka di Hospital Serdang awal tahun ini.

Katanya, kakitangan di sana melayan dia dan isterinya dengan baik bermula daripada proses pendaftaran sehingga keluar hospital.

"Pengalaman kami ini mengesahkan bahawa tidak semua hospital kerajaan itu sama, apatah lagi Hospital Serdang diiktiraf sebagai yang terbaik untuk ibu dan anak," katanya.

Barangkali, isteri Asfarizan adalah salah seorang yang bertuah daripada ribuan pesakit lain.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu, kebanyakan ibu pasti mahukan perkhidmatan yang mengenakan bayaran rendah sesuai dengan nilai penjimatan

Bagi yang berkemampuan, hospital swasta adalah pilihan utama walaupun terpaksa membayar berkali ganda daripada perkhidmatan kerajaan.

Suri rumah, Suhana Sulaiman, 31, berkata tiga anaknya dilahirkan di salah sebuah rangkaian hospital swasta dengan kos keseluruhan melebihi RM20,000.

"Yang penting perkhidmatan ditawarkan amat baik dengan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir, bahkan mesra pelanggan.

"Biar berbelanja lebih untuk anak-anak. Saya juga seronok dan rasa dihargai selepas penat mengandung," katanya.

Namun, tidak semua mempunyai pengalaman indah di hospital swasta. Tujuh tahun dahulu, Nora Mohamad Rasid, 37, terpaksa bertarung nyawa akibat

kesilapan kakitangan yang menyambut kelahirannya.

"Saya memilih swasta kerana merasakan segalanya baik, namun sesuatu berlaku dan mereka terpaksa juga menolak saya ke hospital kerajaan.

"Dua minggu saya bertarung akibat kehilangan darah yang banyak. Syukur nyawa masih panjang," katanya mengimbas kenangan melahirkan anak bongsunya itu.

Hakikatnya, pada hari ini, mereka yang memilih bersalin di hospital swasta adalah golongan yang berkemampuan dan mahukan keselesaan serta perkhidmatan terbaik.

Kebanyakan yang memilih kerajaan pula yakin dengan kepakaran yang ada selain tidak mahu mengambil risiko jika terdapat komplikasi sewaktu bersalin di hospital swasta.

Ramai juga yang tiada pilihan kerana tidak berkemampuan mendapatkan perkhidmatan swasta yang harganya mencecah ribuan ringgit.

Bercakap hal kemudahan bersalin, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Persekutuan seharusnya menyediakan prasarana dan kakitangan yang mencukupi bagi keperluan wad bersalin di hospital kerajaan.

"Bersalin dalam keadaan tidak menentu, tidak selesa dan

dilayan dengan acuh tidak acuh adalah suatu penghinaan untuk wanita.

"Wanita yang puas berkorban bagi menambah zuriat dan waris tidak layak dilayan sebegitu," katanya sambil menggesa tindakan komprehensif segera dilaksanakan demi martabat golongan wanita.

Segalanya bergantung kepada nasib. Kalau masa itu bukan musim bersalin, mungkin katil hospital kerajaan banyak kosong. Tidak perlu menunggu di atas kerusi.

Jururawat juga boleh melayan mesra, doktor juga mencukupi. Tetapi jika silap haribulan, lain pula jadinya. Silap-silap boleh trauma.

Jika ke hospital swasta, sediakan sahaja duitnya termasuk caj cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang mula dikenakan sejak 1 April lalu.

Kalau tidak bernasib baik, pergi ke hospital swasta pun katil tidak ada yang kosong.

Lagipun memilih swasta, jika berlaku apa-apa kecemasan atau masalah, mereka akan rujuk juga kes berkenaan ke hospital kerajaan.

Oleh itu, terpulung kepada masing-masing kerana tak kira lokasi pasti terdapat risiko. Tepuk dada tanya selera. Apa yang penting ialah bayi yang dilahirkan selamat dan sihat sempurna.



Rumah Puteri Arafiah sedia perlindungan

Pendekatan al-Quran bimbing remaja hamil luar nikah

OLEH NORHAYATI UMOR

MUNGKIN banyak mata melihat dengan pandangan negatif atas kesalahan yang pernah dilakukan remaja perempuan itu, namun tidak di Rumah Puteri Arafiah. Di rumah ini mereka menganggap remaja terbabit sebagai 'puteri' yang perlu dicorak semula menjadi seorang insan sempurna.

Umpama 'tangan yang menarik ketika terjatuh' atau 'bahu yang menumpang untuk bersandar dan menangis', Rumah Puteri Arafiah menerima hampir semua golongan dengan penuh kasih sayang di teratak milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang terletak di Seksyen 7, Shah Alam.

23 pelatih menjadi penghuni bagi tempoh dua tahun proses pemulihan. Daripada kes lari rumah, ponteng sekolah, jenayah dan zina sehingga mengandungi diterima di rumah itu.

Diuruskan Norhayati Mohd Yusoff, ramai remaja bawah 21 tahun hamil luar nikah dan melahirkan anak masing-masing di bawah jagaan rapi kakitangan rumah berkenaan.

Lebih mesra dipanggil 'Umi', beliau berkata, pelatih yang mengandungi luar nikah akan dihantar untuk pemeriksaan bulanan sehingga ke proses bersalin di Hospital Sungai Buloh dan Jabatan Pendaftaran Negara seterusnya penyerahan kepada ibu bapa angkat.

Bagaimanapun, tugas yang digalas sejak pembukaan rumah perlindungan itu memang tidak mudah dilaksanakan. Berkongsi suka duka menjadi pengurus, tersimpan kisah yang sukar dilupakan sehingga mengganggu hidupnya.

"Banyak suka duka yang dihadapi. Kita mendidik mereka,

alhamdulillah berjaya. Namun, tiba proses menyerahkan anak pelatih kepada ibu bapa angkat, saya dipersalahkan. Ini mengganggu saya. Saya tempat melepaskan kemarahan, ditengking dan dicaci di hadapan semua pelatih," katanya.

Umi menceritakan, bukan mudah untuk menyerahkan bayi baru lahir kerana ia adalah proses paling menyedihkan. Walaupun lebih 20 kali, namun beliau tetap mengalirkan air mata.

"Terdapat satu kes, pelatih tidak mahu langgan anaknya termasuk

untuk melihat. Tetapi selepas melahirkan, dia menyalahkan saya dan mahu anaknya balik sehingga sekarang. Walaupun dipersetujui pada awalnya kemudian dijelaskan, namun dia tetap berdegil.

"Dia juga menyalahkan saya atas perkara yang berlaku padanya dan saya lebih berhati-hati sejak kejadian itu. Kita faham perkara macam ini sangat sensitif," katanya.

Kata Umi, semua yang datang ke teratak ini mempunyai kisah tersendiri dan mereka berusaha mencari kekuatan bagi meneruskan kehidupan dan dalam tempoh dua tahun kebanyakan pelatih berjaya dipulihkan.

Tiga penekanan diberikan antaranya akademik, kerohanian dan pembangunan diri

bagi memberi semangat kepada pelatih untuk berhadapan dengan cabaran di luar.

"Kita sediakan guru mengajar bahasa inggeris. Kita juga bagi peluang pelatih menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara persendirian dan sediakan guru kelas tambahan bagi subjek diambil.

"Mereka turut dilatih dengan bimbingan agama Islam. Kita ajar mereka mengenal al-Quran dan dilatih berdisiplin termasuk menjaga rumah ini daripada memasak hingga membersih," katanya.

Walaupun ada dalam kalangan remaja itu sudah membawa haluan masing-masing, namun hubungan baik antara mereka masih diteruskan.

"Mereka masih menghubungi Umi untuk mendapatkan

nasihat dan bimbingan. Tiada apa yang Umi harap melainkan sentiasa mendoakan mereka belajar daripada kesilapan dan tidak mengulangnya lagi," ujar Umi dengan penuh harapan.

"Kita ada lebih 85 pelatih sebelum ini. Kebanyakan mereka sudah menyambung pelajaran di intitusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Ramai juga sudah berkahwin dan saya bersyukur mereka menjadi insan berguna. Tetapi, ada juga di antara mereka yang terjebak semula," katanya.

Bagi Umi, golongan seperti ini perlu diberi peluang dan disayangi kerana mereka mampu menjadi insan yang lebih berjaya dengan sokongan orang terdekat dan masyarakat tanpa mengimbu kembali kesilapan yang pernah dilakukan.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-43/2015 KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Dengan Kaedah 'Mill And Pave' Di Sebahagian Jalan Persiaran Apec, Cyberjaya, Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIDB G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
2	MP Sepang 400-10/12-44/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan ST 1/1, 2A/1, 2A/2, 2A/3, 2A/4, 2A/5, 2A/6, 2A/7, 2A/8, 2A/ 10, 2/12 Dan Lorong Sisi Taman Anggerik Dan Di Jalan ST 1B/1, 1B/2 , 1B/3, 1B/4, 1B/5, 1B/8, 1B/9, 1B/10, 1B/11 Dan Lorong Sisi Taman Teratai, Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIDB G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
3	MP Sepang 400-10/12-45/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Sentosa 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, Dan 18, Taman Desa Sentosa Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIDB G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
4	MP Sepang 400-10/12-46/2015 KEJ	Cadangan Kerja Mengecat Semula Garisan Jalan Di Jalan Persiaran Multimedia, Persiaran Rimba Permai, Persiaran Ceria Dan Sebahagian Persiaran Apec Cyberjaya, Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	SPKK, CIDB G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **06 hb Ogos 2015** hingga **27 hb Ogos 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di Ruang **Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **27 hb Ogos 2015**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



Masyarakat perlu terapkan sikap ambil tahu

KLANG - Sikap 'ambil tahu' perlu diterapkan setiap lapisan masyarakat bagi membantu mengurangkan kadar jenayah.

Ketua Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Klang (MPK), Norfiza Mahfiz, berkata sikap itu membantu maklumat boleh disalurkan pada pihak berwajib termasuk polis dan Pasukan Keselamatan Komuniti.

"Saranan itu dilontarkan dalam program Seminar Kesedaran Keselamatan Persekitaran Dan Kefahaman Sistem 'iSelamat.my' di bawah Program Bandar Sela-

mat yang diadakan baru-baru ini," katanya dalam kenyataan.

Norfiza berkata, program itu bertujuan menerapkan dan mewujudkan komuniti bertanggungjawab kepada keselamatan persekitaran daripada jenayah.

"Pelaksanaan dan kefahaman sistem 'iSelamat.my' sebagai perkongsian maklumat jenayah bersama komuniti termasuk peranan orang awam dalam penjagaan keselamatan persekitaran daripada jenayah," katanya.

Henti prasangka buruk

PBT komited tangani denggi



Dr Daroyah melawat pameran membanteras denggi

OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA LANGAT - Semua pihak digesa menghentikan prasangka buruk terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membanteras masalah denggi.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata setiap PBT melalui Jabatan Kesihatan bertungkus-lumus melaksanakan tugas tanpa rungutan.

Katanya, petugas melaksanakan tugas dengan penuh komitmen termasuk bekerja pada hujung minggu bagi memastikan kes denggi terkawal.

"Dengan komitmen PBT, kita lihat kes denggi di Selangor 'maintain', maksudnya tidak begitu mendadak naik tanpa dikawal.

"Jika tiada usaha mereka ini, mungkin kes denggi akan lebih tinggi. Kerjasama semua pihak diperlukan bukan sekadar tuding

jari," katanya pada majlis perasmian Karnival Sihat Selangor Daerah Kuala Langat, pada 17 Ogos lalu.

Dr Daroyah berkata, program bagi mengurangkan kes denggi di Selangor bakal dilancarkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam masa terdekat.

"Ini adalah hasil bengkel denggi antara pihak berkepentingan baru-baru ini dan kita dapat rumusan untuk dilaksanakan di Selangor," katanya.

Operasi tunda elak lalu lintas sesak

SHAH ALAM - Operasi tunda kenderaan dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti, Shahrin Ahmad, berkata kenderaan yang diletakkan di bahu jalan mengakibatkan aliran trafik terganggu sekitar kawasan

komersial Seksyen 31, Kota Kemuning, di sini.

"Operasi tunda sudah bermula awal Ogos lalu, pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

"Ia bertujuan memberi kesedaran dan didikan kepada pengguna jalan raya supaya meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan," katanya.

Shahrin berkata, kenderaan

ditunda dikenakan kompaun RM270 bagi jenis biasa dan RM350 membabitkan pacuan empat roda.

Pemilik kenderaan yang ditunda boleh menuntut kembali di Pejabat Cawangan Kota Kemuning MBSA, Seksyen 31, di sini.

Maklumat lanjut berkenaan operasi penundaan itu boleh diperoleh melalui talian 03-51217166.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PELAWAAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA DAN TIDAK BERSENJATA DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR DAN DI TAPAK SEMENTARA SIMPANAN JENTERA BERAT DI SEKSYEN 7 SHAH ALAM.

TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN PADA 20/08/2015 (KHAMIS) JAM 10.00 PAGI BILIK MESYUARAT GEMILANG 1,TINGKAT 4, PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR.

NO. SEBUTHARGA : SH/ PTGS/ 17/ 2015

KOD BIDANG PENDAFTARAN:
220402 DAN 220801

SKOP DAN TUGAS SEPERTI
DI LAMPIRAN 3

KAWALAN KESELAMATAN

TARIKH IKLAN: 18 OGOS 2015
(HARI : SELASA)

TARIKH DAN MASA TUTUP TAWARAN
26 OGOS 2015 (RABU)
12.00 TENGAHARI

Dokuman sebutharga di atas hendaklah di serahkan ke alamat seperti berikut :-

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4 , BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
SELANGOR DARUL EHSAN
40576 SHAH ALAM

Pembekal-pembekal yang dipelawa menyertai sebut harga di atas adalah dikehendaki membawa Sijil Asal Kementerian Kewangan beserta salinan serta mengemukakan surat pengesahan pendaftaran dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membeli dokumen tersebut.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dilakri serta ditulis bil. Sebut Harga dan Butiran Tawaran di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor seperti alamat di atas pada atau sebelum 26 Ogos 2015 jam 12.00 tengahari.

167,930 iklan haram diturunkan

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sebanyak 167,930 iklan haram diturunkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ekoran melanggar undang-undang dan mencatitkan pemandangan sehingga Julai lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti, Shahrin Ahmad, berkata operasi itu melibatkan penguatkuasa di Pejabat Utama Wisma MBSA serta anggota ditugaskan di Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning, Sungai Buloh dan Se-

tia Alam.

"Orang ramai khususnya syarikat dan individu yang berhasrat mempromosikan perkhidmatan atau produk perlu mendapatkan permit iklan dari MBSA sebelum membuat pemasangan," katanya dalam kenyataan media.

Pertanyaan lanjut berhubung permohonan permit dan pemasangan iklan boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan MBSA, Tingkat 13, Wisma MBSA atau hubungi talian 03-55105133 sambungan 408/384/485 dan 384.



'Creating Streets for People' atasi kesesakan lalu lintas

PETALING JAYA - Seminar dan Bengkel 'Creating Streets for People' bakal dianjurkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi menghasilkan kaedah terbaik mengatasi kesesakan lalu lintas.

Timbalan Datuk Bandarnya, Anuar Johary, berkata MBPJ merangka konsep mesra pejalan kaki ke stesen transit bagi mengurangkan kesesakan dan pencemaran udara akibat pembangunan pesat di bandaraya berkenaan.

"Seminar dan bengkel itu bertujuan mendapatkan maklumat dalam melaksanakan laluan pejalan kaki serta basikal melalui peserta yang membentang-

kan kertas kerja," katanya pada sidang media program itu, 17 Ogos lalu.

Anuar berkata, seminar itu akan diadakan selama dua hari di Dewan Sivik MBPJ, di sini, bermula 26 hingga 27 Ogos ini.

"Ia dijangka dilancarkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali pada Majlis Pelancaran Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya, 26 Ogos ini.

"Peserta diberi perkongsian oleh Gehl Architect daripada Copenhagen Denmark iaitu pakar dalam mengintegrasikan pengangkutan awam dan laluan tanpa motor," katanya.



KESUNGGUHAN... Penduduk Kampung Labu Lanjut, Sepang memasang papan tanda berbentuk keislaman yang dirasmikan Pegawai Daerah, Roslinah Md Jani serta dihadiri Penghulu Mukim Labu, Ketua Kampung Labu Lanjut dan penderma. Semua 11 papan tanda itu adalah sumbangan individu dan usaha gigih Ismail Daud mencari dana daripada penderma bagi menjayakan projek berkenaan

amandarii

BOUTIQUE BUNGALOWS BY THE GREENS
KAJANG

CCC
CERTIFICATION, COMPLETION & COMPLIANCE
PINDAH MASUK SEGERA

Tinggal 5 unit sahaja

Kepadatan rendah 36 unit
Berdekatan dengan stesen MRT
Sg. Kantan • Laluan Kajang-Sg Buloh
Ketinggian siling dua ganda

GuocoLand
A Member of the Hong Leong Group

Guocoland (Malaysia) Berhad (300-K)
Level 19, Block B, HP Towers, 12,
Jalan Gelenggang, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Phone +60 16 4125877 / +60 3 2726 1000
Fax +60 3 27261010
Developer : Ace Acres Sdn. Bhd.

1300-13-0035
www.guocoland.com.my

Maahad Integrasi Tahfiz Bagan Lalang siap Oktober ini

SHAH ALAM - Maahad Integrasi Tahfiz Sains Bagan Lalang, Sepang yang sedang dalam pembinaan dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata setakat ini lebih 50 peratus prasarana sekolah itu sudah disiapkan sebelum sesi pengambilan pelajar yang bermula tahun hadapan.

"Kalau ikut perancangan, pembinaan sekolah itu tiada masalah dan kita akan buka untuk pengambilan guru.

"Kita akan tawarkan pengambilan pelajar selepas keputusan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) keluar," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, sekolah itu dijangka menerima 60 pelajar sebagai permulaan pada sesi pembelajaran 2016.

Terdahulu, Ahmad Yunus mengadakan lawatan ke sekolah itu untuk melihat perkembangan maahad tahfiz yang dibangunkan sebagai asrama di atas bangunan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA).

Sehingga kini, Kerajaan Negeri sudah mewujudkan tiga Maahad Integrasi Tahfiz Sains di daerah Klang susulan sambutan ibu bapa terhadap pendidikan Islam yang sangat menggalakkan sejak beberapa tahun lalu.

Pelajar UNISEL cipta RGV jimat bahan api

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Empat pelajar Universiti Selangor (UNISEL) berjaya mencipta kenderaan rekreasi darat (RGV) yang jimat menggunakan bahan api.

Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Muhammad Abdullah, Kanesrau, Syahrul Razi dan Muhammad Al-As'ad mampu mencipta rekaan berinovasi dan berpotensi itu yang menjadi syarat wajib untuk mereka bergraduasi berbekalkan peruntukan RM1,800.

Timbalan Dekan Sumber Fakulti Kejuruteraan UNISEL, Ir Mohd Shukri Yob, berkata lebih membanggakan apabila hampir semua sistem digunakan pada RGV adalah hasil idea pelajar.

"Penggunaan hollow rectangular beam yang diklasifikasikan sebagai 'thin walled structure' dalam menghasilkan rangka kenderaan itu bertujuan untuk meminimumkan penggunaan minyak ketika ia beroperasi.

"Tanpa latar belakang berkenaan automotif, mereka berjaya membuktikan tiada yang mustahil jika ada kesungguhan tinggi. Ini adalah kelainan pelajar keluaran UNISEL berbanding yang lain," katanya.

Mohd Shukri berkata, penerapan pembelajaran memberi penekanan sama rata



antara teori dan amali di Fakulti Kejuruteraan UNISEL membolehkan pelajar memahami apa yang dipelajari di bilik juga di luar kuliah dengan lebih mendalam.

"Sebagai salah satu pelan rancangan strategik fakulti kejuruteraan, kami memfokuskan beberapa bidang tertentu dan automotif adalah yang diberi penekanan.

"Bidang automotif mempunyai peluang cerah dimajukan di UNISEL dengan kedudukan strategik kerana berhampiran dua syarikat automobil negara," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Profesor Madya Dr Salina, berkata fakulti

itu sentiasa komited dan memberi sokongan penuh untuk program seumpama itu.

Katanya, program pembudayaan automotif diwujudkan bertujuan menghasilkan kajian menjurus kepada pembangunan produk sebagai langkah awal memajukan bidang berkenaan.

"Antara kajian yang sedang dijalankan pensyarah dan staf teknikal fakulti ini adalah seperti mencipta dynamoter, bending machine, dan menghasilkan enjin dua lejang.

"Kita mensasarkan dalam masa dua tahun dari sekarang mampu untuk menghasilkan 100 kenderaan seumpama RGV," katanya.

Latihan kemahiran bantu tingkat taraf pendidikan

KUALA SELANGOR - Golongan belia yang tidak berpeluang meneruskan pengajian formal kini mampu meningkatkan taraf pendidikan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan Pembangunan Desa & Kampung Tra-

disi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata peluang melalui program pembangunan usahawan desa dan kampung dilihat mampu melahirkan masyarakat berdaya saing.

Katanya, kursus jangka pendek itu juga membolehkan peserta bertukar pandangan dan maklumat bagi melancarkan gerak kerja

pada masa akan datang.

"Peserta juga dipandu mereka yang pakar dalam bidang diiktiraf institut pengajian tinggi awam di Malaysia.

"Ia dilaksanakan dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS yang terkenal dengan kursus kemahiran," katanya pada majlis perasmian

program itu di Kolej Antarabangsa INPENS, di sini, baru-baru ini.

Antara kursus disediakan adalah motosikal, dandanan rambut, kecantikan, jahitan dan penyamanan udara.

Selain Kolej Antarabangsa INPENS, kursus lain turut diadakan di Institut Teknologi Kulineri Anjung

Utara (ITKAU), Kampung Gesir Tengah, Kuala Kubu Bharu.

Antara kursus ditawarkan adalah penyediaan nasi Arab, roti canai, nasi ayam hainan, aneka mee dan soto serta makanan dingin beku, manakala orang ramai boleh menghubungi pejabat daerah berhampiran untuk maklumat lanjut.

JOM DAFTAR!
KURSUS KEMAHIRAN

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

[KURSUS KEMAHIRAN JANGKA PENDEK]

Dengan Kerjasama :-

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Pemohon lahir di Negeri Selangor ATAU telah bermastautin lebih daripada 10 tahun di Negeri Selangor.
2. Umur semasa mendaftar sekurang-kurangnya 17 tahun ke atas.
3. Berminat dan bersedia untuk menamatkan kursus mengikut modul yang telah ditetapkan.

TEMPAT
KOLEJ ANTARABANGSA INPENS
JALAN SEMARAK, 45000 KUALA SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN.

MASA
10.00 PAGI - 5.00 PETANG
*SARAPAN DISEDIAKAN

HUBUNGI PEJABAT DAERAH
UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Tarikh Kursus	Modul
8 & 9 Ogos 2015 (Sabtu & Ahad)	1. Program Motosikal
3 & 4 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	2. Program Dandanan Rambut
10 & 11 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	3. Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara
	4. Program Jahitan
	5. Program Kecantikan

TEMPAT
INSTITUT TEKNOLOGI KULINARI ANJUNG UTARA
KAMPUNG GESIR TENGAH, KUALA KUBU BHARU
SELANGOR DARUL EHSAN.

MASA
10.00 PAGI - 5.00 PETANG
*SARAPAN DISEDIAKAN

HUBUNGI PEJABAT DAERAH
UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Daerah	Tarikh Kursus	Modul
Gombak	17 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Arab dan Set Lauk Arab
Kuala Langat	18 Ogos 2015 (Selasa)	Roti Canai dan Murtabak
Klang	19 Ogos 2015 (Rabu)	Nasi Ayam Hainan
Hulu Selangor	20 Ogos 2015 (Khamis)	Ayam Penyet dan Pecal Lele
Kuala Selangor	22 Ogos 2015 (Sabtu)	Cendol dan Aneka Rojak
Petaling	23 Ogos 2015 (Ahad)	Aneka Mee dan Soto
Selangor	24 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Lemak Bungkus dan 15 Lauk Pauk
Hulu Langat	25 Ogos 2015 (Selasa)	Makanan Jajaan
Sabak Bernam	26 Ogos 2015 (Rabu)	Frozen Food dan Makanan Dingin Beku

OLEH LIZAWATI MADFA

SUBANG JAYA - Golongan wanita digesa bersikap lebih terbuka dan tidak malu untuk menjalani pemeriksaan payudara, kata Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Hannah Yeoh.

Hannah berkata, pemeriksaan itu penting dalam usaha mengesan awal sebarang jangkitan atau penyakit terutama kanser payudara yang sering membelenggu golongan terabit.

Katanya, mereka perlu sedar kanser pembunuh wanita itu menyerang tanpa mengenal usia, status dan latar belakang.

"Saya dapati kebanyakan wanita masih lagi kurang mem-

Jangan malu jalani pemeriksaan payudara

berikan perhatian untuk menjalani pemeriksaan, sama ada mereka malu atau takut.

"Tetapi mereka perlu ingat, kanser ini tidak ada pengecualian. Ibu yang menyusukan anak juga tidak terkecuali daripada dijangkiti dan mereka perlu bertindak untuk diri sendiri dan keluarga tersayang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Program Kese-

edaran Kanser Payudara anjuran tadika Real Kids dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia, di USJ12, di sini, pada 15 Ogos lalu.

Pada masa sama, Hannah

yang juga Adun Subang Jaya memuji usaha Real Kids melangkah ke hadapan dalam memperjuangkan hak dan kepentingan wanita.

"Sebagai tadika, usaha murni

sebegini harus dijadikan contoh kepada pihak lain untuk mendedahkan ilmu sivik kepada golongan kanak-kanak. Bak kata pepatah, melentur buluh biar dari rebungnya," katanya.

Sedia landasan atasi hamil bawah umur

SHAH ALAM - Kes kelahiran remaja bawah umur antara fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang semakin hangat melanda golongan remaja.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata antara punca utama masalah itu berlaku kerana remaja sering didedahkan dengan penggunaan gajet yang cenderung kepada laman sosial.

"Kehamilan yang dilaporkan berlaku pada remaja adalah dalam kalangan usia antara 10 hingga 19 tahun.

"Selain itu, mereka juga terdedah kepada masalah penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas yang semakin meruncing," katanya kepada Selangor Kini.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri memandang serius isu itu kerana generasi muda seharusnya dididik untuk pembangunan negara pada masa akan datang.

"Pendidikan agama dan moral perlu diterap juga ditekankan dalam mata pelajaran di sekolah.

"Selain itu, ibu bapa tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab kepada guru tetapi perlu memantau aktiviti anak seperti dengan siapa mereka berkawan, ke mana mereka keluar dan kurangkan galakan penggunaan gajet," katanya.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri sedang merancang dan merangka satu program untuk mendidik remaja, di samping mengisi masa lapang mereka dengan perkara lebih berfaedah.

"Mereka akan didedahkan untuk berfikir rasional dalam setiap tingkah laku yang membawa kepada masalah yang akan mempengaruhi masa depan mereka.

"Melalui program itu, kita dalam usaha membendung gejala sosial daripada terus berleluasa," katanya.

PEKAWANIS tingkat kemahiran penghuni Rumah Puteri Arafiah

SHAH ALAM - Kira-kira 23 penghuni di Rumah Perlindungan Puteri Arafiah, di sini, dirai dalam Sambutan Hari Raya Aidilfitri, pada 12 Ogos lalu.

Hadir sama, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS), Shamsida Taharin; Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail dan Pengurus Rumah Perlindungan Puteri Arafiah, Norhayati Mohd Yusoff.

Shamsida berkata, pihaknya sedang merangka beberapa cadangan untuk menambah dan menyediakan program pembelajaran bagi pelatih di rumah itu.

"Kita tidak bercadang untuk memperluaskan operasi rumah ini dalam masa terdekat. Apa yang akan dilakukan, kita mahu melaksanakan beberapa program ilmiah bagi memantapkan lagi pemulihan mereka.

"Buat masa ini, kita berjaya membantu sepanjang dua tahun mereka menjalani pemulihan," katanya kepada Selangor Kini.

Rumah Perlindungan Puteri Arafiah adalah pusat penjagaan dan perlindungan remaja puteri di bawah umur 21 tahun anjuran PEKAWANIS yang ditubuhkan, sejak Jun 2011.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI SERTA MENGUJITERIMA SISTEM LIF BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)033(T)/2015	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PPK & UPEN Gred : G3/G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan: M03	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 18.08.2015 (Selasa) Sehingga 01.09.2015 (Selasa)	RM290.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 09.09.2015 (Rabu) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.
Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Cawangan Mekanikal, Seksyen 17, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55190352						

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBAIKPULIH MASJID JAMEK PEKAN KAJANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)025(T)/2015	Bumiputera T1	CIDB, PPK, SPKK & UPEN Gred: G5 Kategori: B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 21/08/2015 (Jumaat) Sehingga 04/09/2015 (Jumaat)	RM350.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 15/9/2015 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.
Lawatan Tapak Di WAJIBKAN pada 21/8/2015 (Jumaat) Jam 9.30 pagi. Sila berkumpul di JKR Hulu Langat. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447748 dan JKR Daerah Hulu Langat No. Tel: 03-89114040						

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

10 tahun harungi pelbagai cabaran

Hidayah Centre bimbing mualaf

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA LUMPUR - Hidayah Centre Foundation boleh berbangga dengan usaha gigih membimbing saudara Islam baharu dalam tempoh 10 tahun walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Pengerusinya, Nicholas Sylvester@Muhammad Abdullah, berkata ia bergerak berperingkat dan kini memiliki 27 cawangan di seluruh negara bermula dengan cawangan asal, di sini, pada 2005.

"Tugas utama adalah memberi sokongan kepada saudara baharu dan berdakwah kepada masyarakat. Kita membantu daripada segi bimbingan, menjaga kebajikan dan menyantuni mereka bagi memastikan golongan ini tidak terabai.

"Penubuhan Hidayah Centre Foundation juga kerana kita mendapati ramai saudara baharu

yang berpatah balik ke agama asal mereka.

"Ini kerana kebanyakannya mendapat tentangan daripada keluarga, bahkan ada yang diserang secara fizikal hingga mengalami kecederaan, maka semuanya perlu dibantu dan disokong," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 9 Ogos lalu.

Beliau berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan badan dan agensi berkaitan lain bagi menjaga amanah juga kebajikan golongan berkenaan.

Katanya, Hidayah Centre Foundation juga menyambut Aidilfitri secara besar-besaran dengan menghimpunkan lebih separuh saudara baharu.

"Sebelum ini, kita tumpukan untuk membantu mereka daripada segi menjalankan ibadah puasa dan membina kerjaya.



Nicholas Sylvester@Muhammad Abdullah

"Kita rasa, sampai masanya untuk bersama meraikan hari mulia ini secara besar-besaran dengan sasaran lebih separuh yang hadir adalah saudara baharu. Ia adalah kejayaan bagi pertubuhan ini," katanya.

MBI bantu Maahad Tahfiz Jamiul Hasanat

SHAH ALAM - Usaha menyumbang kepada pembangunan semula Maahad Tahfiz Jamiul Hasanat disifatkan kewajipan tanggungjawab sosial korporat Pembedanaan Menteri Besar (MBI).

Ketua Jabatan Tanggungjawab Sosial dan Korporat MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali, berkata lawatan pertama ke maahad di Tanjung Karang itu dilakukan, pada 14 Ogos lalu.

Katanya, lawatan berkenaan penting untuk mengenalpasti bantuan untuk disalurkan kepada pengurusan maahad.

"Kita lihat dahulu bagi meneliti bentuk pertolongan dan sumbangan yang penting untuk mereka membaiki atau membangun semula maahad.

"Mungkin, kita libatkan Kolej Antarabangsa INPENS dalam misi bantuan kali ini yang membabitkan kemahiran seperti pendawaian," katanya kepada Selangor Kini.

Pada 8 Ogos lalu, Maahad Tahfiz Jamiul Hasanat hampir seratus peratus musnah dalam kebakaran.

Bagaimanapun, kebakaran bangunan dua tingkat itu tidak melibatkan sebarang kecederaan dan kehilangan nyawa.

"Kita lihat dahulu bagi meneliti bentuk pertolongan dan sumbangan yang penting untuk mereka membaiki atau membangun semula maahad"

MOHD JAAFARUDIN
Ketua Jabatan Tanggungjawab Sosial dan Korporat MBI

Kini, pelajar ditempatkan di Dewan Darul Huda bersebelahan tapak kebakaran, manakala kelas diletakkan di lokasi berhampiran untuk sementara waktu.

Pada 11 Ogos lalu, Pengetua Maahad Tahfiz Jamiul Hasanat, Mohd Judi Sarjo, berkata pihaknya memerlukan dana sekurang-kurangnya RM1.5 juta bagi membangunkan semula maahad berkenaan.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkan dana ke akaun Bank Islam Maahad Jamiul Hasanat 12083010011313 atau menghubungi Mohd Judi di talian 019-2459009 atau Mat Hasbollah Sudin (013-3707271).

Warga emas jual kurma dapat perhatian LZS

SHAH ALAM - Kisah warga emas dikenali sebagai pakcik Hashim mula mendapat perhatian ramai apabila menjadi viral di media sosial.

Kegigihannya menjual kurma di perkarangan masjid dalam usia menjangkau 70 tahun menjadi viral, bahkan dia terpaksa melakukannya demi mencari sesuap nasi dan mendapat rezeki halal.

Atas keprihatinan itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengambil inisiatif turun padang bertemu pakcik Hashim untuk menyerahkan bantuan ekspres RM500 kepadanya.

LZS dalam kenyataan di Facebook, berkata pertemuan itu adalah ziarah susulan pegawai agihannya untuk mengetahui lebih lanjut kesusahan yang dialami pakcik Hashim.

"Sebelum ini, LZS pernah membantu dia menjelaskan hutang sewa premis perniagaannya.

"Pakcik Hashim juga didaftarkan sebagai asnaf miskin di LZS dan menerima bantuan sewa premis perniagaan, manakala bantuan lain disalurkan mengikut keperluan," katanya.

Pakcik Hashim atau nama

sebenarnya Hashim Jaafar kini menjalankan perniagaan menjual kurma di Masjid Al-Ehsan, Seksyen 24, di sini.

Kepada sesiapa yang ingin membantu boleh menghubungi di talian 012-3628676.

Pakcik Hashim juga didaftarkan sebagai asnaf miskin di LZS dan menerima bantuan sewa premis perniagaan, manakala bantuan lain disalurkan mengikut keperluan



JADUAL KAEDAH-KAEDAH PENYIASATAN AWAM (SELANGOR) 2014

NOTIS PENYIASATAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 11 ENAKMEN (PEMAKAIAN) AKTA PERHUTANAN NEGARA 1985 (Subkaedah 7(2))

Menurut seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [Enakmen 5/1985], dengan ini diberitahu bahawa terdapat cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan hutan simpanan kekal Hutan Simpan Ulu Gombak yang mempunyai butiran dan tujuan pengeluaran seperti berikut

Daerah : Gombak

Mukim : Hulu Kelang

No. Pelan : PHN.SEL.(S) 08/3/2 Klt. 16 Bil. (2) yang dipamerkan di Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah, Km 11 (Batu 7), Jalan Cheras, 43200 Cheras, Selangor.

Keluasan : 20.3 hektar (50 ekar)

Tujuan : Tapak Perkuburan Islam

Sehubungan dengan itu, mana-mana orang dalam daerah Gombak yang mempunyai kepentingan boleh mengemukakan bantahan terhadap cadangan tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyiaran notis ini.

Bantahan secara bertulis hendaklah dibuat kepada:

PENGARAH
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL
AZIZ SHAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI
SELANGOR40660 SHAH ALAM, SELANGOR

Red Giants tekad kekal tempat ke-3

SHAH ALAM - Red Giants perlu meneruskan rentak konsisten dan fokus mencapai kemenangan untuk dua perlawanan terakhir bagi mengekalkan kedudukan di tempat ketiga Liga Super 2015.

Jurulatihnya, Mehmet Durakovic, berkata Red Giants berusaha untuk melakukan yang terbaik bagi mengekalkan kedudukan itu.

"Sudah tentu kami sentiasa turun beraksi untuk menang. Kami sesekali tidak mengamalkan corak permainan bertahan untuk mencari keputusan seri walaupun pada perlawanan ini," katanya dipetik laman sesawang FAS Selangor.

"Dua lagi membabitkan Kelantan di laman sendiri (19 Ogos) dan Perak di tempat lawan (22 Ogos), harap kami dapat meraih mata maksimum.

Mehmet berkata, satu mata yang dibawa pulang selepas seri 1-1 dengan LionsXII di Stadium Jalan Besar, Singapura, pada 15 Ogos lalu sudah cukup menggembirakannya memandangkan lawan memang sukar ditumbangkan di laman sendiri.

Katanya, bukan mudah untuk berdepan LionsXII di padang rumput



	P	M	S	K	J	B	M
Pahang	20	13	4	3	40	24	43
Johor DT	20	13	4	3	31	15	43
Selangor	20	9	6	5	38	28	33
FELDA	20	9	5	6	32	23	32
Terengganu	20	10	2	8	36	32	32
PDRM FA	20	10	2	8	39	36	32
LionsXII	20	8	6	6	32	30	30
Perak	20	8	4	8	31	27	28
Kelantan	20	7	4	9	30	32	25
Sarawak FA	20	3	7	10	23	35	16
ATM FA	20	2	5	13	19	43	11
Sime Darby	20	0	7	13	19	45	7

tiruan itu tetapi Red Giants berjaya mempamerkan persembahan cukup membanggakan dan mereka tidak berputus asa sepanjang perlawanan.

"Gol penyamaan LionsXII itu memang bertaraf dunia dan kita tak mampu buat apa-apa untuk menghalangnya. Tapi secara keseluruhan, saya gembira dengan keputusan ini dan corak

permainan ditampikan serta cukup gembira dengan satu mata ini.

"Tahun lalu juga kami dibolosi gol minit akhir di sini (tewas 2-1). Jadi, bukan mudah nak menang kerana LionsXII sentiasa beraksi baik di gelanggang sendiri.

"Tapi, pemain saya bermain mengikut perancangan dan berjaya meraih satu mata ini," katanya.

Gol pendahuluan melalui tandukan Afiq Azmi pada minit ke-59 berjaya disamakan penyudah akrobatik menarik oleh penyerang gantian LionsXII, Khairul Nizam Kamal, minit ke-88.

Jadual padat punca FAS tak lepas pemain lawan Liverpool

SHAH ALAM - Kepadatan dan perubahan jadual Liga Super menyebabkan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) enggan melepaskan pemain mereka menyertai skuad Harimau Malaysia dalam perlawanan persahabatan menentang Liverpool, pada 19 Julai lalu.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari (PKR-Batu Caves) berkata, keputusan itu hasil perbincangan pengurusan dan pemain memandangkan FAS melepaskan pemain mereka dalam perlawanan persahabatan berdepan Tottenham Hotspur.

Katanya, pemain sudah mengalami keletihan dan kecederaan disebabkan perubahan jadual liga yang memaksa mereka bermain dalam bulan Ramadan termasuk berdepan Johor Darul Takzim (JDT) beberapa hari sebelum Aidilfitri.

"Pasukan lain menghabiskan liga pada 8 Julai, sedangkan pasukan Selangor dan JDT terpaksa bermain pada 13 Julai, beberapa hari sebelum Aidilfitri.

"Kita menganggap panggilan untuk bermain pada 19 Julai itu agak membebankan," katanya ketika menjawab soalan Lau Weng San (DAP-Bukit Tunku).

Katanya, FAS juga sudah mengkaji Perkara 36, Peraturan FIFA, Perkara E, yang menyaksikan perlawanan berkenaan tidak memberi nilai kedudukan buat pasukan Malaysia.

PREV Team juara sepak takraw MPSJ

SERDANG - PREV Team muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi kategori terbuka selepas menundukkan MPSJ B dalam aksi sengit pusingan ketiga.

Lebih membanggakan pasukan itu apabila tekongnya, Noor Azam Abdul Hamid, 32, dinobatkan pemain terbaik.

"Pengalaman dan permulaan baik kerana ini adalah penyertaan pertama saya mewakili PREV Team dalam kejohanan seumpama ini.

"Ia juga membakar semangat saya untuk beraksi lebih cemerlang di kejohanan lain, sekali gus membantu pasukan untuk bergelar juara," katanya yang bakal berdepan cabaran dalam kejohanan di Port Dickson, Negeri Sembilan, minggu depan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Selangor Kini selepas Majlis Penutupan Kejohanan Sepak Takraw Terbuka dan Veteran MPSJ Ke-10 2015 di Stadium Tertutup MPSJ Serdang Jaya, di sini, pada 15 Ogos lalu.

PREV Team membawa pulang piala pusingan, piala iringan, medal dan wang tunai RM2,000, manakala MPSJ

B selaku naib juara membawa pulang medal serta wang tunai RM1,200.

Bagi kategori veteran pula, Kerinci Kelab muncul juara selepas menundukkan DBKL dengan pemain terbaik kategori itu dinobatkan kepada apit kiri Kerinci Kelab, Jambri Idris.

PRAC Team membawa pulang piala pusingan, piala iringan, medal dan wang tunai RM2,000, manakala MPSJ B selaku naib juara membawa pulang medal serta wang tunai RM1,200.

Juara membawa pulang piala pusingan, piala iringan, medal dan wang tunai RM1,200 sementara naib juara membawa pulang medal serta wang tunai RM800.

Hadiah disampaikan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSJ, Muhammad Zaki Yussof yang turut diiringi Pengurus Besar Acara dan Tajaan F&N Beverages Marketing Sdn Bhd, Mohd Fauzi Ahmad selaku rakan penaja.

Muhammad Zaki berkata, pengumuman kejohanan berkenaan sebagai acara tahunan adalah komitmen berterusan MPSJ dalam menyediakan peluang lebih sistematik kepada peminat sukan sepak takraw untuk beraksi di pentas kompetitif.

"Selain menghidupkan sukan tradisi ini, MPSJ juga berhasrat tinggi mencungkil dan mengenalpasti bakat baru untuk diketengahkan ke peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

"Penyertaan pasukan juga meningkat setiap tahun dan kejayaan ini mendapat perhatian penaja yang turut berperanan besar menyemarakkan lagi sukan sepak takraw," katanya.

Sekurang-kurangnya 80 pasukan menyertai kejohanan kali ini membabitkan 55 pasukan terbuka dan 25 veteran.

Selain Stadium Tertutup MPSJ Serdang Jaya, kejohanan yang bermula jam 8.00 pagi dan berakhir jam 12.00 tengah malam itu turut berlangsung di dua lokasi lain membabitkan Kompleks 3K Serdang Raya dan Dewan Seri Kembangan.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
21 - 28 OGOS 2015							
6 - 13 ZULKAEDAH 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:43	5:53	7:11	1:19	4:33	7:25	8:36
22 Sabtu	5:43	5:53	7:10	1:19	4:33	7:25	8:35
23 Ahad	5:43	5:53	7:10	1:19	4:32	7:24	8:35
24 Isnin	5:42	5:52	7:10	1:19	4:31	7:24	8:34
25 Selasa	5:42	5:52	7:10	1:18	4:30	7:23	8:34
26 Rabu	5:42	5:52	7:10	1:18	4:30	7:23	8:33
27 Khamis	5:42	5:52	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
28 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:28	7:22	8:32
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:43	5:53	7:11	1:19	4:33	7:25	8:36
22 Sabtu	5:43	5:53	7:10	1:19	4:33	7:25	8:35
23 Ahad	5:43	5:53	7:10	1:19	4:32	7:24	8:35
24 Isnin	5:42	5:52	7:10	1:19	4:31	7:24	8:34
25 Selasa	5:42	5:52	7:10	1:18	4:30	7:23	8:34
26 Rabu	5:42	5:52	7:10	1:18	4:30	7:23	8:33
27 Khamis	5:42	5:52	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
28 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:28	7:22	8:32



BERSATU HATI... Keakraban Pengurus Red Giants, Amirudin Shari dan pemain terserlah sebelum perlawanan menentang LionXII di Stadium Jalan Besar, Singapura, pada 15 Ogos lalu

SHAH ALAM - Pasukan Red Giants tidak menghadapi sebarang masalah dalaman seperti yang didakwa sesetengah pihak kata pengurusnya, Amirudin Shari.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Negeri dan Pertandingan Antarabangsa FAS membuat penafian itu ketika mengulas tindakan sekumpulan penyokong memasang kain rentang mendesak penyingkiran beberapa individu di dalam pengurusan selain tindakan membakar suar sejak beberapa perlawanan.

"Ini perkara baharu kepada kami (pengurusan pasukan). Ketika pertama kali kain rentang itu dipasang iaitu Selangor bertemu Pahang di Stadium Shah Alam, pada 4 Julai lalu, saya menafikan wujudnya sebarang kem di dalam pasukan.

"Saya tetap bertindak membuat pertemuan susulan dengan semua pegawai pasukan dan pemain. Hasil siasatan dan pemerhatian saya sendiri, nyata tuduhan itu langsung tidak berasas," katanya di dalam laman sesawang FAS.

Amirudin berkata, pasukan itu juga tidak menghadapi masalah dengan pengurusan persatuan khususnya membabitkan Setiausaha Agung, Rosman Mohd Ibrahim dan Bendahari, Datuk S Sivasundaram.

"Tidak timbul langsung isu pertelingkahan dan wujudnya kem berlainan di dalam pasukan khususnya antara ketua jurulatih, Mehmet Durakovic dan penolong jurulatih, P Maniam seperti yang diperkatakan.

"Kami mempunyai hubungan akrab. Di samping kerap berhubung melalui tele-

Henti provokasi

Red Giants tiada masalah dalaman

Saya tetap bertindak membuat pertemuan susulan dengan semua pegawai pasukan dan pemain. Hasil siasatan dan pemerhatian saya sendiri, nyata tuduhan itu langsung tidak berasas

AMIRUDIN SHARI
Pengurus Red Giants

fon, hampir setiap minggu saya dan penolong pengurus, Noor Hisham Mohd Ghouth mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi persatuan di pejabat (Kelana Jaya).

"Setakat ini, saya menerima kerjasama cukup baik daripada pentadbiran FAS. Dalam hal gaji sebagai contoh, kerjasama dengan setiausaha dan bendahari yang

menjalankan tugas dapat memastikan gaji semua pemain dan pegawai disalurkan tanpa tunggakan.

"Setiap isu dan permasalahan pasukan dibincangkan secara bersama. Namun, mereka (FAS) tidak langsung campur tangan dalam hal ehwal pasukan. Keputusan melibatkan pasukan sepenuhnya terletak di tangan saya dan ketua jurulatih, Durakovic," katanya.

Ketika ditanya bagaimana boleh timbul spekulasi berhubung kewujudan masalah dalaman, Amirudin beranggapan ia berpunca daripada persepsi pihak tertentu yang mungkin berniat merosakkan semangat berpasukan dan kekeluargaan di dalam pasukan Selangor.

"Kita semua tahu, pasukan Selangor masih mampu bersaing dengan pasukan berbelanja besar walaupun tanpa pemain berstatus bintang kerana semangat kekeluargaan yang tinggi dalam kalangan mereka.

"Setakat ini pasukan bergerak dengan padu dan mantap, namun kurang berna-

sib baik dalam beberapa perlawanan yang mengakibatkan kita kehilangan mata berharga," katanya.

Beliau berharap penyokong Selangor menghentikan segera tindakan berbentuk provokasi yang tidak mendatangkan manfaat kepada pasukan sebaliknya menyebabkan persatuan didenda Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Sehingga kini, hampir RM150,000 dibayar kepada badan induk bola sepak negara itu di atas tindakan Ultras Selangor yang membakar suar dan menayangkan kain rentang berbentuk penghinaan.

"Persatuan amat menghargai sokongan menakjubkan diberi setiap kali Selangor bermain di Shah Alam atau di tempat lawan. Namun, tindakan negatif itu hanya mendatangkan kerugian kepada pasukan yang bukan sahaja perlu membayar denda tetapi melunaskan ganti rugi kerosakan.

"Kita berharap penyokong teguh berdiri di belakang pasukan dan tidak membiarkan unsur tak berkaitan menggugat keharmonian pasukan," katanya.